terkepung	Kemaraan tentera islam yang diketuai oleh 4 pasukan tentera dari arah utara,selatan,barat dan barat daya Mekah menyebabkan orang Quraisy Mekah terkepung
semagat	Tentera islam juga dibekalkan dengan semangat ketakwaan dan keyakina yang jitu melawan musuh
pengislaman	Pengislaman Abu Siffian dan Abbas juga menjamin kejayaan tentera islam pimpinan nabi
peluang	Nabi juga memberi peluang keselamatan kepada musuh yang terkepung.dan tidak mencederakan musuh yang berlindung di rumah kedua tokoh yang memeluk islam
kesan	Kesannya orang Quraisy Mekah tidak melakukan penentangan dan ia member kemenangan kepada tentera islam

KEPENTINGAN PEMBUKAAN KOTA MEKAH

memeluk	Abu Suffian dan Abbas te;ah memeluk islam
perpaduan	Nabi Muhammad s.a.w menegaskan pentingnya semangat perpaduan dalam mencapai kejayaan
mengampun	Nabi juga telah mengampunkan kesalahan penduduk Mekah
Sifat pemaaf	Amalan memaafkan kesalahan orang lain dapat mewujudkan ikatan perpaduan
terpelihara	Kaabah terpelihara daripada unsure jenayah(amalan penyembahan berhala terhapus)
Ajaran islam	Penduduk mekah mula mengamalkan ajaran islam dalam kehidupan mereka
Kota suci	Kota Mekah menjadi kota suci bagi umat islam dan menjadi tumpuan seluruh umat islam serata dunia
bukti	Pembukaan kota mekah membuktikan bahawa Negara islam madinah satu Negara yang kuat dan kukuh
Pembuka jalan	Pembukaan kota mekah menjadi pembuka jalan kepada penyebaran islam keseluruh Tanah Arab
wilayah	Mekah menjadi sebuah wilayah islam

BAB6:PEMBENTUKANKERAJAAN ISLAMDANSUMBANGANNYA

Maksud khalifah

Tema	Huraian tema
Bahasa Arab	Dalam bahasa Arab bererti pengganti (kata jamak, khulafa)
Pengganti	Bermaksud pengganti Nabi Muhammad s.a.w. bagi melaksanakan pemerintahan dan pentadbiran Islam
Agama	Dalam konteks agama, khalifah bermaksud orang yang diberi tanggungjawab memelihara kemurnian agama dan keharmonian umat Islam.

Biodata Khalifah Othman bin Affan

Tema	Huraian tema
Asal	Berasal dari Bani Umaiyah
Lahir	Beliau dilahirkan pada tahun 576 masehi
Hartawan	Seorang hartawan yang dermawan, lemah lembut dan bertolak ansur
Simpati	Memiliki sifat simpati yang tinggi terhadap golongan yang memerlukan
Zun Nurain	Mendapat gelaran Zun Nurain (mempunyai 2 cahaya mata) kerana pernah mengahwini dua orang putei Nabi Muhammad s.a.w.

Proses Perlantikan Khalifah Othman bin Affan

Tema	Huraian tema
Majlis syura	Perlantikan melalui majlis syura
Calon	Sebelum Khalifah Umar meninggal dunia, 6 orang telah dicalonkan
Undi	Uthman dan Ali mendapat undi sama banyak
Pendapat	Abdul Rahman bin Auf meninjau pendapat orang ramai
Setuju	Orang ramai bersetuju Saidina Uthman dilantik sebagai khalifah yang ketiga

Sumbangan Khalifah Uthman bin Affan

Tema	Huraian Tema
Wilayah	Meluaskan wilayah Islam meliputi Afghanistan, Samarkhan, Cyprus dan Tripoli
Pertahanan	Mengukuhkan pertahanan Negara dengan membina angkatan laut Islam
Al-Quran	Menyelaras cara bacaan al-Quran
Mushaf Uthmani	Mengistiharkan sebuah naskah al-Quran yang dikenali Mushaf Uthmani
Jalan raya	Membina jalan raya, jambatan dan rumah rehat untuk kemudahan pengembara
Baitulmal	Mengukuhkan peranan baitulmal dengan membiayai pembangunan Negara dan tentera laut Islam
Jizyah	Mengekalkan cukai Jizyah kepada penduduk bukan Islam

Biodata Khalifah Ali bin Abu Talib

Tema	Huraian tema
Asal	Berasal dari Bani Hasyim
Lahir	Beliau dilahirkan pada tahun 602 masehi
Keturunan	Berketurunan Quraish
Sepupu	Sepupu Nabi Muhammad s.a.w.
Berani	Terkenal dengan sifat keberanian dan kepahlawanannya
Tegas	Seorang yang tegas

Pengetahuan	Berpengetahuan luas dalam perundangan Islam

Proses Perlantikan Khalifah Ali bin Abu Talib

Tema	Huraian tema
Uthman	Menjadi khalifah selepas Khalifah Uthman meninggal dunia
Calon	Pencalonan beliau daripada sekelompok masyarakat
Sokongan	Mendapat sokongan suara terbanyak

Sumbangan Khalifah Ali bin Abu Talib

Tema	Huraian Tema
Masalah	Membantu menyelesaikan masalah yang berhubung dengan masyarakat dan undang-undang Islam
Kestabilan	Berusaha mengekalkan kestabilan dan keharmonian negara
Perang Siffin	Menghentikan Perang Siffin dan memulakan rundingan
Pertahanan	Mengutamakan pertahanan negara
Markas	Membina markas tentera di Parsi dan di sempadan Syria
System ekonomi	Mengembangkan sistem ekonomi negara
Jizyah	Meneruskan kutipan Jizyah

Kesan Pemerintahan Khulafa ar-Rasyidin

Tema	Huraian Tema
Pemerintahan	Meneruskan sistem pemerintahan Islam selepas kewafatan Nabi Muhammad s.a.w.
Kesejahteraan	Menitikberatkan kesejahteraan agama, rakyat dan Negara
Perpaduan	Wujud perpaduan yang kukuh
Madinah	Madinah berkembang menjadi Negara yang kuat dan kawasan pentadbiran yang luas
Menyaingi	Madinah dapat menyaingi empayar Rom dan Parsi

Latar belakang kerajaan Bani Umaiyah

Tema	Huraian
Diasas	Diasakan oleh Muawiyah bin Abu Sufian
Keturunan	Mengambil nama sempena keturunan Bani Umaiyah
Muawiyah	Muawiyah menerima penyerahan kuasa daripada Hasan bin Ali
Damsyik	Tahap pertama beerpusat di Damsyik
Khalifah	Memakai gelaran khalifah
Abdul Rahman	Tahap kedua diasaskan oleh Abdul Rahman al-Dakhil
Cordova	Berpusat di Cordova, Sepanyol
Amir	Pemimpinnya memakai gelaran Amir

Pembaharuan yang diperkenalkan oleh Bani umaiyah dalam Pentadbiran

Tema	Huraian
Sistem khalifah	Memperkenalkan sistem khalifah
Warisan	Perlantikan khalifah melalui warisan
Wazarah	Memperkenalkan sistem wazarah
Pusat	Wazir mengetuai pentadbiran pusat
Gabenor	Gabenor mengetuai pentadbiran wilayah

Urus Setia	Memperkenalkan sistem Urus Setia
Pegawai	Pegawai dilantik menguruskan beberapa bahagian seperti surat menyurat, cukai
Hijabah	Memperkenalkan sistem Hijabah
Memeriksa	Pegawai ditugaskan memeriksa orang yang mahu menemui khalifah
Jabatan	Menubuhkan jabatan kerajaan
Cukai	Jabatan cukai, surat menyurat, Urusan Am dan jabatan Urusan Cop Mohor
Ketenteraan	Memperkemas sistem ketenteraan
Diwanul Jundi	Menubuhkan Diwanul Jundi (Jabatan Ketenteraan)
tentera	Menubuhkan angkatan tentera darat dan tentera laut

Sumbangan Bani umaiyah dalam bidang keilmuan di Kota Damysik

Tema	Huraian
Basrah	Kota Basrah dikenali sebagai pusat penyebaran ilmu
Tokoh	Lahirrnya tokoh ilmuan Islam seperti Khalil bin Ahmad, Sibawiyah, al-Farazdaq
Bahasa Arab	Menjadikan Bahasa Arab bahasa rasmi negara
Baris	Memperkenalkan tanda bunyi atau baris pada tulisan al-Quran
Tokoh agama	Lahir tokoh-tokoh agama seperti Urwah al-Zubair, Zihat al-Zuhri, Ibn Jarih
Terjemahan	Menggalakkan kegiatan penterjemahan buku ke dalam bahasa Arab
Kimia	Bidang kimia dan astronomi berkembang pesat

Sumbangan Bani umaiyah dalam bidang keilmuan di Cordova

Tema	Huraian
Pusat pengajian	Menubuhkan pusat pengajian tinggi yang diasaskan oleh Abdul Rahman II
17 buah	Muncul 17 buah pusat pengajian tinggi di Cardova
Pustaka	Terdapat 70 buah perpustakaan di Andalusia
Cardova	Cardova, Seville, Toledo dan Granada sebagai pusat keilmuan
Terjemahan	Menjadikan Cardova pusat penterjemahan
Karya Yunani	Menterjemahkan karya Yunani ke dalam bahasa Arab
jambatan	Cardova menjadi jambatan pengetahuan antara dunia Islam dengan Eropah

Sumbangan Bani umaiyah dalam bidang ekonomi

Tema	Huraian
Baitulmal	Menubuhkan baitulmal untuk menguruskan pendapatan dan perbelanjaan negara
Sumber	Sumber pendapatan Baitulmal dari kharaj,jizyah, zakat, usyur dan ghanimah
Perdagangan	Cardova sebagai pusat kegiatan perdagangan antarabangsa
Perusahaan	Perusahaan membuat barangan tembikar, perhiasan emas dan perak, memproses kulit dan membuat senjata
Saliran	Membina sistem saliran untuk memajukan pertanian
benih	Penyelidikan benih berkualiti

Faktor kejatuhan kerajaan Bani Umaiyah

Tema	Huraian
Penentangan	Penentangan berlaku dari dalam dan luar negara
Mawali	Perasaan tidak puas hati golongan mawali
Diskriminasi	Golongan mawali didiskriminasikan
Jawatan	Mereka tidak mendapat jawatan
Cukai	Mereka dikenakan cukai yang tinggi
Kelemahan	Kelemahan pemimpin
abai	Khalifah mengabaikan ajaran Islam
Pemilihan	Masyarakat tidak puas hati cara pemilihan khalifah
Warisan	Pemilihan khalifah mengikut sistem warisan ditentang oleh orang Islam
Syiah	Penentangan golongan Syiah dan Khawarij

Pembentukan Kerajaan Bani Abbasiyah

Tema	Huraian
Diasaskan	Kerajaan bani Abbasiyah diasaskan pada tahun 750m
Tumbang	Revolusi Abbasiyah berjaya menumbangkan kerajaan Bani Umaiyah
Gerakan	Gerakan Revolusi ditaja oleh Ali bin Abdullah
Sulit	Gerakan dijalankan secara sulit
Terbuka	Gerakan secara terbuka semasa pemerintahan Umar Abdul Aziz
Ahlul Bait	Mereka menjalankan kempen atas nama Ahlul Bait
Kufah	Pusat operasi gerakan ini di Kufah dan Khurasan
Abu Muslim	Di Khuradan diketuai oleh Abu Muslim al-Khurasani
Damsyik	Pusat pemerintahan bermula di Damsyik
Baghdad	Berpindah ke Baghdad pada zaman Abu Jaafar al-mansur

Kegiatan keilmuan di kota Baghdad

Tema	Huraian
Penulisan	Penulisan karya dalam bahasa Arab
Terjemahan	Penterjemahan karya asing ke dalam bahasa Arab
Falsafah	Penterjemahan karya falsafah dan sains Yunani ke dalam bahasa Arab
Bidang agama	Penulisan pelbagai bidang agama
Ubahsuai	Pengubanghsuaian terhadap karya terjemahan

Cara terjemahan dijalankan

Tema	Huraian
3 tahap	Dijalankan mengikut 3 tahap
Mencatat	Tahap pertama mencatat idea
Mengumpul	Tahap kedua mengumpul bukti
mengar	Tahap ketiga mengarang dan mengatur catatan ke dalam bab tertentu

Sumbangan Bani Abbasiyah dalam bidang keilmuan

Tema	Huraian
Pusat	Menjadi pusat penulisan ilmiah
Karya asing	Pusat penterjemahan karya asing ke dalam bahasa Arab
Kumpulan	Penterjemah bekerja secara kumpulan dan diawasi oleh seorang penyelaras
Terjemah	Terjemahan dibuat daripada bahasa sanskrit, Suriani, dan Yunani

Pembaharuan	Sarjana Islam membuat pembaharuan dalam karya terjemahan
Ulama	Ramai ulama terlibat dalam dalam bidang penulisan
Susun	Ulama menyusun hadis, dan menghasilkan tulisan dalam bidang fiqah, tafsir, sejarah
Simpan	Menyimpan hasil penulisan eropah ketika zaman Gelap melanda Eropah

Kesan pertembungan tamadun Islam dengan tamadun lain dalam bidang politik

Tema	Huraian
Kerajaan Islam	Lahirnya pelbagai bentuk kerajaan Islam seperti kerajaan Mughal di India, kerajaan Umaiyah, kerajaan Abbasiyah
Akidah	Walaupun berbeza tetapi berasaskan akidah dan syariah
Penyebaran	Kawasan penyebaran Islam semakin luas
Wujud	Wujud masyarakat Islam dinegara bukan Islam seperti di China

Kesan pertembungan tamadun Islam dengan tamadun lain dalam bidang ekonomi

Tema	Huraian
Meningkat	Ekonomi orang Islam semakin meningkat
Perdagangan	Ekonomi perdagangan dikuasai oleh orang Islam
Seluruh dunia	Orang Islam berjaya berdagang ke seluruh dunia
Ke timur	Orang Islam berdagang ke timur iaitu India, kepulauan Melayu dan China
Ke Barat	Orang Islam berdagang ke Barat iaitu ke Sepanyol, selatan Perancis, Armenia
Pusat	Orang Islam mempunyai pusat perdagangan di Iskandariah dan Istanbul
Istanbul	Istanbul menjadi pusat perdagangan Timur - Barat

Kesan pertembungan tamadun Islam dengan tamadun lain dalam bidang keilmuan

Tema	Huraian
Pendapat	Pertukaran pendapat antara cendikiawan Islam dan bukan Islam
Terjemah	Karya penulisan yunani diterjemah oleh cendikiawan Islam
Baitulhikmah	Baitulhikmah ditubuhkan sebagai perpustakaan dan pusat keilmuan
Disimpan	Ilmu daripada tamadun lain disimpan di baitul hikmah
Tokoh	Lahirnya tokoh ilmuan Islam dalam pelbagai bidang seperti al-Razi dan al-Zahrawi (perubatan), al-Khawarizmi, al-Battani, Abu Ishaq al-Biruji dan al-Biruni (matematik dan astronomi).
Ilmu	Ilmu perubatan, matematik, astronomi, undang-undang, falsafah dll berkembang

Kesan pertembungan tamadun Islam dengan tamadun lain dalam bidang kesenian dan sastera

Tema	Huraian
	Kesenian
Seni ukir	Seni ukir dan seni bina Islam berkembang
Keindahan	Keindahan seni bina pada masjid Cordova di Sepanyol dan Masjid Sultan Ahmed di Istanbul dan Istana al-Hamra di Granada
Tema	Kesenian Islam bertemakan kepercayaan tauhid dan akidah
	Kesusasteraan
Puisi	Lahirnya puisi dan novel berunsur Islam
Penulis	Ramai penulis muncul seperti Omar Khayyam, al-Jahiz dan rabiah al-Adawiyah
tema	Kesusasteraan bertemakan ketuhanan dan hubungan manusia dengan tuhan

BAB 7: ISLAM DI ASIA TENGGARA

Teori kedatangan Islam ke Asia Tenggara dari Semenanjung Tanah Arab.

Tema	Huraian
Singgah	Pedagang singgah di pelabuhan menunggu perubahan angin monsun
Kampung	Membina perkampungan sebagai tempat mengumpul barangan
Kahwin	Terdapat pedagang Arab mengahwini perempuan tempatan
Karya	Karya tempatan mengatakan pengislaman raja oleh ulama Tanah Arab
Crawford	Dikemukakan oleh Crawford

Teori dan bukti kedatangan Islam dari China

Tema	Huraian
Fatimi	Pendapat ini dikemukakan oleh S.Q. Fatimi
Sebar	Pedagang Cina menyebarkan Islam di Asia Tenggara
Pindah	Perpindahan pedagang Islam dari Canton ke Asia Tenggara
Seni bina	Persamaan unsur seni bina China dengan seni bina di Asia Tenggara
Nisan	Penemuan batu nisan yang di bawa oleh mubaligh Cina

Teori dan bukti kedatangan Islam dari India

Tema	Huraian
Hurgronje	Dikemukakan oleh Hurgronje
Gujerat	Kedatangan Islam melalui pelabuhan Gujerat
Lama	Hubungan yang lama wujud antara India dan Asia tenggara
Marmar	Batu marmar pada batu nisan mempunyai ciri-ciri buatan India
Budaya	Masyarakat tempatan mempunyai kaitan rapat dengan India dari segi budaya

Faktor-faktor penyebaran Islam di Asia Tenggara

Tema	Huraian
Dagang	Pedagang Islam menyebarkan Islam di bandar pelabuhan
Kahwin	Perkahwinan pedagang Islam dengan penduduk tempatan
Raja	Pengislaman raja dan bangsawan diikuti oleh rakyat
Kerajaan	Kerajaan Islam menyebarkan melalui peluasan wilayah
Mubaligh	Mubaligh berperanan menyebarkan Islam

Peranan para pedagang Islam menyebarkan agama Islam di Asia Tenggara

Tema	Huraian
Murni	Sikap murni pedagang Islam menjadi ikutan penduduk
Kampung	Perkampungan Islam menjadi pusat perbincangan agama
Ulama	Membawa ulama bersama menjalankan dakwah Islam
Mahmudah	Sifat mahmudah semasa berdakwah menarik minat penduduk
Syahbandar	Kejujuran pedagang telah dianugerahkan jawatan syahbandar membolehkan mereka menyebarkan Islam

Cara kerajaan di Asia Tenggara menyebarkan agama Islam di Alam Melayu

Tema	Huraian
Melaka	Melaka menyebarkan Islam melalui perluasan kuasa
Ulama	Ulama dihantar ke kawasan takluk
Johor	Kerajaan Johor berusaha menawan Melaka bagi mengelakkan menjadi pusat agama Kristian
Acheh	Acheh menaungi negeri kecil di Sumatera Utara bagi mengelakkan dinaungi Portugis yang menyebarkan Kristian
Pattani	Sultan Pattani menyebarkan Islam di seluruh wilayahnya

Peranan yang dijalankan oleh pusat kebudayaan Islam di Asia Tenggara

Tema	Huraian
Ilmu	Pusat keilmuan dengan terdapatnya institusi pendidikan
Terjemah	Kerajaan Samudera Pasai menjadi pusat penterjemahan kitab
Pakar	Ulama Samudera Pasai menjadi pakar rujuk berkaitan masalah agama
Sastera	Melaka menghasilkan karya sastera yang dipengaruhi gaya sastera Arab
Puisi	Terdapat karya puisi yang menarik minat pembaca menghayati Islam

Peranan mubaligh dalam penyebaran Islam di Asia Tenggara

Tema	Huraian
Ajar	Mengajar perkara asas secara tidak formal di masjid
Penasihat	Dilantik sebagai penasihat raja
Wali	Wali Songo berdakwah secara bijaksana
Masjid	Mendirikan masjid contohnya Masjid Agung Demak
Sifat	Menunjukkan sifat mahmudah

Pengaruh agama Islam terhadap sistem pemerintahan dan pentadbiran di Asia Tenggara

Tema	Huraian
Kesultanan	Memperkenalkan institusi kesultanan
Rasmi	Islam dijadikan agama rasmi
Nama	Unsur Islam diterapkan pada nama negeri dan pemerintah
Gelaran	Penggunaan gelaran sultan
Syariah	Memperkenalkan undang-undang syariah

Pengaruh agama Islam dalam sistem pendidikan di Asia Tenggara

Tema	Huraian
Formal	Kewujudan institusi pendidikan formal seperti pondok
Pondok	Pelajar pondok terdiri daripada masyarakat tempatan dan luar
Istana	Istana merupakan pusat pendidikan formal untuk golongan bangsawan
Peringkat	Sistem pendidikan di Acheh dibahagikan kepada tiga peringkat
Wanita	Wanita digalakkan belajar

Pengaruh Islam dalam bidang bahasa dan kesusasteraan di Asia Tenggara

Tema	Huraian
Jawi	Tulisan Jawi dalam bahasa Melayu
Pentadbiran	Tulisan Jawi menjadi tulisan rasmi dalam pentadbiran
Istilah	Istilah Arab digunakan dalam bahasa Melayu
Tulisan	Masyarakat menggunakan tulisan Jawi untuk membaca dan menulis
Sastera	Sastera Melayu terpengaruh dengan gaya dan bentuk sastera Islam

Cara hidup masyarakat Asia Tenggara setelah kedatangan Islam

Tema	Huraian
Budaya	Mengubah budaya masyarakat seperti cara berpakaian
Saudara	Islam memperkenalkan konsep persaudaraan
Akhlak	Akhlak Islam dijadikan panduan seperti tolong-menolong
Amalan	Amalan murni Islam diamalkan seperti gotong-royong
Ad-din	Islam sebagai ‘ad-din’ iaitu satu cara hidup yang lengkap

Pengaruh Islam dalam bidang ekonomi di Asia Tenggara

Tema	Huraian
Baitul mal	Institusi baitulmal sebagai perbendaharaan Negara
Rajin	Menggalakkan umatnya supaya rajin bekerja
Halal	Menggalakkan umatnya mengamalkan unsur yang halal semasa berurusniaga
Larang	Islam melarang amalan riba, penindasan dan penipuan
Jimat	Nilai murni dalam ekonomi disarankan seperti berjimat cermat

BAB8:PEMBAHARUAN DANPENGARUHISLAMDIMALAYSIA SEBELUM KEDATANGAN BARAT

Pengaruh kedatangan Islam Terhadap Sosiobudaya.

Sistem Pendidikan Masyarakat Melayu

1.Pendidikan tidak formal.

Tema	Huraian
Keluarga	Asuhan keluarga pendidikan awal
Moral	Penekanan nilai-nilai moral
Pembelajaran	Pembelajaran melalui pendengaran,penglihatan dan pemerhatian.
Kemahiran	Mempelajari kemahiran ibu bapa menerusi pemerhatian dan latihan seperti pertanian,perikanan,kraf tangan atau pertukangan.
Mengajar	Mengajar agama, kelakuan dan adapt resam, sikap bersopan santun, cara berkawan dan menjaga maruah.
Lisan	Nilai-nilai budaya murni diserapkan melalui cerita lisan seperti cerita binatang dan cerita jenaka
Teladan	Cerita berbentuk teladan dan pengajaran
Anjing	Cerita anjing dengan bayang-bayang, pengajaran agar tidak tamak
Kancil	Cerita Sang Kancil, menekankan bijaksana menyelesaikan masalah
Pantang Larang	Mempelajari pantang larang dan adapt istiadat melalui pergaulan social
Tunduk	Tunduk sambil menghulur tangan apabila lalu di hadapan orang lebih tua
Pendidikan	Pendidikan menerusi pantun,peribahasa dan teka-teki
Pepatah	Pepatah seperti siakap senohong gelama ikan duri,bercakap bohong lama-lama mencuri,mangajar kanak-kanak berkelakuan baik dan jangan bohong.

2 Pendidikan formal selepas kedatangan Islam

a.Pendidikan di rumah

Tema	Huraian
Al-Quran	Menekankan pengajaran al-quran
Tok Guru	Di rumah guru al- Quran atau tok guru
Murid-murid	Murid-murid berumur antara 7 hingga 15 tahun

b.Pendidikan formal masjid dan surau

Tema	Huraian
Pertemuan	Pusat pertemuan masyarakat
Islam	Mengembangkan ilmu-ilmu Islam
Fiqah	Kanak-kanak diajar ilmu fiqah, tajwid, cara dan bacaan sembahyang
Pusat	Sebelah malam pusat pengajian untuk orang dewasa
Belajar	Belajar ilmu fiqah,usuludin,hadis, dan tasawuf yang tahap tinggi

c. Sistem Pendidikan Pondok

Tema	Huraian
Keagamaan	Penekanan ilmu keagamaan
Guru Agama	Menyediakan pelajar menjadi guru agama
Tersusun	Sistem lebih tersusun
Tiada	Tiada batas waktu
10 tahun	Masa panjang sehingga 10 tahun
Meluas	Meluas di Kedah, Kelantan,Terengganu, Perlis dan Pattani
Pattani	Bermula pada kurun ke 12 di Pattani
Kelantan	Berkembang di Kelantan,pondok Pulau Condong
Terengganu	Di Terengganu di pondok Pulau Manis
Kedah	Di Kedah pondok Titi Gajah
Pesantren	Pondok di Jawa dikenali sebagai Pesantren
Rangkang	Di Acheh dinamakan rangkang.

d. Sistem Madrasah

Tema	Huraian
Sukatan	Berdasarkan sukatan pelajaran
Kelas	Dilaksanakan secara kelas
Tahap	Mengikut tahap iaitu permulaan dan pertengahan serta pengkhususan
Mudir	Diawasi oleh mudir iaitu guru besar
Diselia	Diselia oleh sebuah lembaga jawatankuasa kewangan dan sebagainya
Diasaskan	Diasaskan pada zaman Khalifah Bani Saljuk

e. Istana sebagai Institusi Pendidikan

Tema	Huraian
Pendidikan	Pusat pendidikan dan ilmu pengetahuan
Agama	Pusat pengajian agama mengikut Sejarah Melayu
Ulama	Tumpuan ulama serta pendakwah asing dan menetap di Melaka
Pelbagai bangsa	Ulama pelbagai bangsa seperti Benggali, Arab, Parsi dan Gujerat
Menyimpan buku	Tempat menyimpan buku hikayat yang penting seperti Hikayat Amir Hamzah dan Hikayat Muhammad Ali Hanafiah
Pentadbiran	Pendidikan tentang pentadbiran Negara dan politik
Sultan Mansur Shah	Sultan Mansur Shah mempelajari Islam daripada Maulana Abu Bakar,Sultan Mahmud Shah dan Raja Ahmad berguru dengan Maulana Sadar Jahan
Kitab al-Dur al Manzum	Kitab al-dur al Manzum (Mutiara tersusun) Kitab tasawuf karangan Maulana Abu Bakar diarak ke balairung istana Melaka
Tasawuf	Sultan Mansur Shah berminat dalam pengajian tasawuf

f.Kepentingan pendidikan tidak formal kepada generasi hari ini.

Tema	Huraian
Tanggungjawab	Tanggungjawab ibu bapa mendidik anak
Moral	Nilai moral diserap secara praktikal
Seharian	Pendidikan agama diamal seharian
Mewarisi	Mewarisi tradisi keluarga
Kekeluargaan	Merapatkan hubungan kekeluargaan
Melengkapkan	Melengkapkan pendidikan formal

g. Kesan pengabaian pendidikan tidak formal

Tema	Huraian
Kesopanan	Hilangnya nilai-nilai kesopanan
Menghormati orang tua	Lahirnya generasi yang tidak menghormati orang yang lebih tua
Agama	Pendidikan agama diabaikan
Warisan	Warisan kesenian tidak diwarisi
Individualistik	Mengamalkan hidup individualistik

3.Pengaruh Islam Terhadap Bahasa

Tema	Huraian
Tulisan jawi	Terbentuknya tulisan jawi
Arab	Terbentuknya huruf Arab yang telah diubah suai dengan tulisan Melayu
Pallava	Sebelum tulisan jawi beberapa tulisan telah digunakan seperti tulisan Pallava,kawi,batak dan Rencong yang kebanyakannya mempunyai unsur Hindu
Tambah perbendaharaan kata	Perbendaharaan kata bahasa Melayu bertambah dengan istilah bahasa arab

4.Pengaruh Islam terhadap kesusasteraan

Tema	Huraian
Sastera awal	Sastera awal lebih bersifat cerita haiwan, jenaka dan dongeng. Contoh cerita Lebai Malang, bawang Putih bawang merah, Batu belah batu Bertangkup dan cerita Sang kancil
Lisan	Setelah Islam penulisan karya telah berkembang yang bermula dalam bentuk lisan
Bentuk	Karya yang dihasilkan terbahagi kepada bentuk prosa dan puisi
Istana	Karya yang penting dan disimpan di istana Melaka seperti Hikayat Muhammad Ali Hanafiah
Puisi	Karya berbentuk puisi seperti Syair Dahulu Kala yang ditulis oleh Tengku Ampuan Mariam di Terengganu
Perbendaharaan persuratan	Perbendaharaan persuratan Melayu telah bertambah dengan terkarangannya karya-karya seperti Hikayat Abu Nawas dan Hikayat Hasan Damsyik

5 Pengaruh Islam terhadap gaya Hidup

a.Pemerintah

Tema	Huraian
protokol	Amalan protokol (hijabah) menerima pengaruh Bani Umaiyah
Pertabalan raja	Dalam pertabalan raja pembacaan cirri, kata-kata hikmat dan suci dalam bahasa Sanskrit sebelum kedatangan Islam
Lafaz Ikrar	Diganti dengan lafaz ikrar oleh sultan dan pembesar menyerupai baiah
Pengganti sultan	Apabila sultan mangkat pengganti sultan dilantik sebelum istiadat pemakaman.

b. Pengaruh Islam terhadap kehidupan social golongan rakyat dalam masyarakat Melayu

Tema	Huraian
Keluarga	Hubungan kekeluargaan sangat rapat
Hormat	Menghormati ibu bapa dan orang yang lebih tua
Panggilan	Menggunakan panggilan tertentu untuk orang yang lebih tua
Cium	Kanak-kanak mencium tangan orang tua apabila bersalaman
Suara	Merendahkan suara apabila bercakap dengan orang lebih tua
Jiran	Jiran dianggap seperti keluarga sendiri
Ziarah	Orang yang datang berziarah hendaklah memberi salam
Bersalam	Tuan rumah bersalaman dengan tetamu
Hidang	Tetamu dihidangkan makanan dan minuman
Bismillah	Ungkapan bismillah dibaca semasa hendak makan
Majlis	Majlis-majlis dijalankan secara Islam
Gotong-royong	Majlis dijalankan dengan semangat gotong-royong
Perpaduan	Nilai-nilai perpaduan sangat diutamakan

6.Pengaruh Islam Terhadap Ekonomi

a.Faktor-faktor penglibatan orang melayu secara aktif dalam aktiviti perdagangan selepas kedatangan Islam.

Tema	Huraian
Dominasi	Aktiviti perdagangan di Lautan Hindi dan Laut China Selatan didominasikan oleh pedagang Islam
Saranan	Saranan Islam bahawa bidang perniagaan adalah sumber rezeki yang besar
Sebar	Aktiviti perdagangan menjadi saluran untuk menyebarkan Islam
Melaka	Melaka muncul sebagai pusat perdagangan yang penting
Kemudahan	Kemudahan perdagangan yang disediakan di Melaka
Pedagang	Kehadiran pedagang asing di Melaka

b.Faktor-faktor Melaka menjadi pusat perdagangan penting di Asia Tenggara pada abad ke-15

Tema	Huraian
Strategik	Kedudukan pelabuhan Melaka yang strategik
Pentadbiran	Kerajaan Melaka menjalankan pentadbiran yang licin dan teratur
Keselamatan	Mewujudkan jawatan Laksamana dan Syahbandar untuk menjaga keselamatan di laut dan di pelabuhan
Pedagang	Kehadiran banyak pedagang asing
Undang-undang	Kerajaan Melaka menggubal undang-undang laut Melaka sebagai panduan dalam kegiatan perdagangan
Bahasa	Kepesatan perdagangan dibuktikan dengan 84 bahasa yang dipertuturkan
Timbang	Kerajaan Melaka memperkenalkan system timbang dan sukat yang seragam
Wang	Urusan perdagangan menggunakan kaedah system barter dan mata wang
Bahasa Melayu	Bahasa Melayu sebagai bahasa Lingua franca

c. Ciri-ciri Pengaruh Islam yang terdapat pada mata wang di negeri-negeri Melayu

Tema	Huraian
Sultan	Mata wang tertulis nama sultan yang memerintah dan mengeluarkan mata wang tersebut
Tarikh	Terdapat tarikh Islam pada mata wang itu
Jawi	Mata wang itu ditulis dengan tulisan jawi / Arab
Khalifatul	Pada mata wang itu tertulis gelaran sultan seperti Khalifatul Muslimin dan sebagainya.

d.Mata wang timah yang digunakan di negeri-negeri melayu

Tema	Huraian
Melaka	Mata wang timah mula digunakan pada zaman Melaka
Bulat	Mata wang ini berbentuk bulat dan beratnya satu kati lapan tahil
Nama	Nama Sultan yang memerintah dan tarikh Islam dicatat pada mata wang itu
Johor	Mata wang timah juga digunakan di Johor
Katun	Mata wang ini dikenali sebagai wang katun
Segi Enam	Mata wang ini berbentuk bulat atau segi enam
Tidak tarikh	Mata wang ini tidak mempunyai tarikh
Jawi	Nama pemerintah ditulis dengan tulisan jawi atau Arab
Kedah	Mata wang timah juga terdapat di Kedah
Tempatan	Mata wang timah kedah digunakan untuk kegunaan tempatan
Ayam Jantan	Mata wang timah kedah berbentuk ayam jantan yang hinggap di atas beberapa cincin
Patah	Mata wang ini boleh dipatahkan dan digunakan berasingan

e.Mata wang emas digunakan di negeri-negeri Melayu

Tema	Huraian
Meluas	Mata wang emas digunakan secara meluas di Kedah dan Johor
Johor	Mata wang emas Johor bertarikh 1527 iaitu pada zaman pemerintahan sultan Alaudin Riayat Syah
Kupang	Mata wang emas Johor digelar kupang mengandungi emas seberat 10 grain / 0.65 gram dan ada juga yang seberat 40 gain / 2.6 gram
Tertera	Pada mata wang ini tertera nama dan pangkat sultan yang mengeluarkan wang tersebut
Gelaran	Di bahagian belakang mata wang itu tertulis gelaran Islam sultan tersebut contohnya Khalifatul Mukminin dan sebagainya
Kelantan	Mata wang emas juga digunakan di Kelantan
Kijang	Mata wang emas Kelantan dikenali sebagai kijang
Gambar	Ini kerana terdapat gambar kijang pada muka wang emas tersebut

f.Peraturan cukai dilaksanakan di Melaka.

Tema	Huraian
Wajib	Pedagang diwajibkan membayar cukai sebelum urusan perniagaan dilakukan
Tetap	Pemerintah Melaka telah mengenakan cukai tetap (cukai import) yang jumlahnya telah ditetapkan oleh pemerintah
India	Pedagang dari India,Ceylon,Tanah Arab, Siam dan Pegu dikenakan cukai tetap / cukai import sebanyak enam peratus
China	Pedagang dari Jepun dan China dikenakan cukai sebanyak lima peratus
Kecuali	Beras dan makanan dikecualikan daripada bayaran cukai
Urusan	Setelah cukai dibayar urusan jual beli dapat dilakukan di bazaar-bazar
Diraja	Orang asing yang menetap di Melaka dikenakan cukai diraja
Melayu	Orang asing dari Kepulauan Melayu dikenakan cukai diraja tiga peratus
Lain	Orang asing dari tempat lain dikenakan cukai dirara sebanyak enam peratus

g.Perubahan yang diperkenalkan oleh pemerintah Melaka untuk meningkat perkembangan ekonominya.

Tema	Huraian
Tetap	Pemerintah Melaka telah mengenakan cukai tetap (cukai import) terhadap barangan import
Diraja	Pemerintah Melaka telah mengenakan cukai diraja ke atas orang asing yang menetap di Melaka
Riba	Pemerintah telah mengharamkan riba dalam bidang perniagaan dalam kalangan orang Islam
Zakat	Pemerintah menekankan agar golongan kaya mengeluarkan zakat
Baitulmal	Kutipan zakat disimpan oleh baitulmal
Bantuan	Zakat akan digunakan untuk membangunkan Negara dan memberi bantuan kepada masyarakat yang memerlukan

BAB9:PERKEMBANGAN DIEROPAH

ZAMAN GELAP

1 .Mengapakah zaman kemunduran ini dikenali sebagai Zaman Gelap? (ms 215)

Tema	Huraian
Ilmu	Kemerosotan dalam ilmu pengetahuan
Perdagangan	Kemerosotan dalam perdagangan
Perbandaran	Merosot dalam kehidupan perbandaran
Pusat	Tidak terdapat pentadbiran pusat yang berkesan
Baron	Muncul golongan baron / tuan tanah.
Perlindungan	Tuan tanah memberi perlindungan kepada petani
Khidmat	Petani memberi khidmat kepada tuan tanah
Cukai	Petani terpaksa membayar cukai yang tinggi kepada tuan tanah
Hamba	Petani terpaksa menjadi hamba
Perlindungan	Raja memberi perlindungan kepada tuan tanah
Khidmat	Tuan tanah memberi khidmat kepada raja
Meluas	Kegiatan perdagangan tidak meluas
Ekonomi	Kemerosotan dalam bidang ekonomi
Pertanian	Tumpuan dalam pertanian
Tukar	Perniagaan hasil barang secara tukar barang
Gereja	Gereja paling berkuasa
Dikongkong	Gereja mengongkong kehidupan masyarakat
Harta	Gereja memiliki hartanah yang banyak

2. Keadaan politik di Eropah pada Zaman Gelap (ms 215)

Tema	Huraian
Stabil	Keadaan politik tidak stabil
Pusat	Tiada pentadbiran pusat yang berkesan
Huru-hara	Berlakunya huru-hara
Feudal	Wujudnya sistem feudal
Selamat	Menyebabkan petani terpaksa mencari perlindungan dari tuan tanah
Cukai	Petani terpaksa membayar cukai kepada tuan tanah
Serah	Ada petani yang tidak mampu akan menyerahkan tanah kepada tuan tanah
Hamba	Ada petani yang menjadi hamba kepada tuan tanah
Raja	Tuan tanah pula mendapat perlindungan daripada raja

3. Ciri-ciri sistem feudal di Eropah pada Zaman Gelap (ms 215-216)

Tema	Huraian
Ikatan	Sistem feudal mempunyai ikatan hubungan antara rakyat dengan tuan tanah
Hubungan	Hubungan tuan tanah dengan raja
Baron	Terdapatnya golongan baron / tuan tanah yang berkuasa
Perlindungan	Petani mendapat perlindungan daripada tuan tanah
Cukai	Petani membayar cukai kepada tuan tanah
Hamba	Petani terpaksa menjadi hamba
Raja	Raja merupakan penaung utama dalam sesebuah negara

Tanah	Raja memiliki tanah secara mutlak
Perlindungan	Tuan tanah juga mendapat perlindungan daripada raja
Khidmat	Sebagai tukarannya, tuan tanah dikehendaki memberikan khidmat / membayar cukai kepada raja

4. Kedudukan gereja dalam kehidupan sosial masyarakat Eropah pada Zaman Gelap (ms 216)

Tema	Huraian
Berkuasa	Gereja amat berkuasa
Harta	Memiliki hartanah yang banyak
Fokus	Hanya memberi fokus kepada kegiatan amalan agama
Mengongkong	Gereja mengongkong kehidupan masyarakat

5. Kedaan ekonomi di Eropah pada zaman Gelap (ms 216)

Tema	Huraian
Merosot	Kegiatan ekonomi merosot
Perdagangan	Perdagangan tidak meluas
Diganggu	Perdagangan diganggu orang Viking dan Magyar
Islam	Perdagangan di kawasan Mediterranean dikuasai oleh pedagang Islam
Sara diri	Masyarakat Eropah hanya menjalankan kegiatan pertanian / sara diri
Kecil	Perniagaan kecil-kecilan sahaja
Tukar	Perniagaan secara tukar barang
Mata wang	Penggunaan mata wang terhad

6. Persamaan sistem feudal di Eropah dengan ciri-ciri feudalisme yang terdapat dalam masyarakat Melayu tradisional. (ms 216)

Tema	Huraian
Penaung	Raja menjadi penaung utama dalam negara
Tanah	Raja memiliki tanah secara mutlak
Pembesar	Pembesar pula mendapat naungan dari raja
Khidmat	Pembesar memberi khidmat kepada raja
Hamba	Rakyat ada yang menjadi hamba
Setia	Rakyat setia kepada pembesar

REVOLUSI PERTANIAN

1.Faktor berlakunya Revolusi Pertanian di Eropah.

Tema	Huraian
Akta	Akta Pemagaran Tanah telah diluluskan oleh Parlimen Britain
Pagar	Tuan tanah bertindak memagari tanah awam- 500 000 ekar telah dipagar
Lading	Penanaman telah dilaksanakan secara ladang
Saintifik	Kaedah pertanian yang saintifik- system tanaman bergilir
Teknologi	Penggunaan teknologi moden dalam bidang pertanian-Jehtro Tull untuk menugal
Turnip	Pengenalan tanaman baru- turnip dan ubi kentang
Baja	Penggunaan baja asli

Meluas	Baja asli digunakan secara meluas
dagang	Lebihan pengeluaran diperdagangkan
pasar	Pemasaran produk pertanian secara meluas

2.Sistem Pemilikan Tanah di Britain sebelum revolusi pertanian

Tema	Huraian
dua	Terdapat dua system pemilikan tanah-persendirian dan tanah awam
Sendiri	Tanah persendirian –milik persendirian golongan kaya
awam	Tanah awam – tanah milik orang perseorangan yang digunakan oleh orang awam untuk bercucuk tanam, memelihara ternakan dan berburu

3.Kesan penguatkuasaan Akta pemagaran tanah ke atas pertanian di Britain

Tema	Huraian
Pagar	500,000 tanah awam telah dipagar
luas	Terdapat kawasan yang luas untuk pertanian
Komersial	Penanaman dapat dijalankan secara komersial
ladang	Terbentuknya ladang
hilang	Rakyat yang bergantung kepada tanah awam kehilangan punca rezeki
Buruh	Ada petani menjadi buruh diladang
hijrah	petani berhijrah ke Bandar untuk bekerja di kilang

4.Sistem Tanaman bergilir

Tema	Huraian
Townshend	Diperkenalkan oleh Lord Townshend
Musim	Satu bidang tanah digunakan berterusan sepanjang tahun dengan menanam tanaman berbeza mengikut musim
Turnip	Turnip adalah tanaman paling baik dijadikan tanaman bergilir
Coke	System bergilir di perbaikan oleh Thomas William Coke

5.Kebaikan Tanaman bergilir

Tema	Huraian
Guna	Satu bidang tanah digunakan berterusan sepanjang tahun
tanam	Tanah dapat ditanam dengan tanaman berbeza mengikut musim
Kekal	Dapat mengekalkan kesuburan tanah
Subur	Semua tanaman dapat tumbuh dengan subur
Kosong	Tidak ada tanah yang ditinggalkan kosong
baru	Tanaman baru telah diperkenalkan

SUMBANGAN REVOLUSI PERTANIAN DALAM MENCETUSKAN REVOLUSI PERINDUSTRIAN

Tema	Huraian
Modal	Menyediakan modal untuk kegiatan industri
Labor	Peladang kaya melabur modal dalam bidang perindustrian
Makanan	Menyediakan bahan makanan yang cukup untuk menampung keperluan pekerja kilang
import	Mengurangkan kebergantungan kepada bahan makanan yang diimport
Dana	Mengelakkan pengaliran keluar dana
Kembang	Dana yang diselamatkan dapat digunakan untuk perkembangan industri
tenaga	Menyediakan tenaga buruh yang banyak untuk perkembangan perindustrian

BAB10:DASARBRITISHDANKESANNYATERHADAPEKONOMINEGARA

1.EKONOMI DAGANGAN

TEMA	HURAIAN TEMA
Kegiatan	Merujuk kepada kegiatan pertanian atau perlombongan
Pengeluaran	Melibatkan lebihan pengeluaran
Pemasaran	Untuk tujuan pemasaran
Pengeluaran	Pengeluaran dalam skala besar
Tenaga buruh	Menggunakan sumber tenaga buruh yang banyak
Modal	Modal yang besar
Teknologi	Teknologi yang tinggi
Pemasaran	Pemasaran yang lebih luas

2. FAKTOR KEDATANGAN BURUH LUAR KE TANAH MELAYU

TEMA	HURAIAN TEMA
Galakan	Galakan kerajaan British
Orang Melayu	Tidak ditentang oleh orang Melayu
Hubungan	Wujud hubungan tradisi antara Tanah Melayu dengan India
Makmur	Kemakmuran Tanah Melayu
Ekonomi	Perkembangan ekonomi di Tanah Melayu
Peluang	Banyak peluang pekerjaan
Stabil	Kestabilan politik di Tanah Melayu
Masalah	Masalah yang berlaku di negara asal mereka

3.KEMASUKAN BURUH CHINA KE TANAH MELAYU

A. SISTEM TIKET KREDIT

TEMA	HURAIAN TEMA
Kheh-thau	Bakal imigran dikumpulkan oleh kheh-thau(ketua)
Dibayar	Ketua dibayar wang bagi setiap imigran China yang dibawa
Sin kheh	Bakal imigran dikenali sebagai sin kheh
Nakhoda	Imigran diletakkan dibawah pengawasan nakhoda kapal
Agensi	Atau agensi buruh
Bayaran	Mereka telah menerima bayaran daripada bakal majikan imigran berkenaan
Perjanjian	Sin kheh perlu membuat perjanjian secara lisan atau bertulis
Hutang	Untuk menjelaskan hutang mereka
Bekerja	Dengan bekerja dengan majikan dalam tempoh yang tertentu
Tiket	Dibekalkan dengan tiket untuk ke pelabuhan yang akan dituju
Keterangan	Terdapat Keterangan sama ada bebas atau berhutang
Pemborong	Sampai di pelabuhan sin kheh akan diambil oleh pemborong buruh
Orang tengah	Merupakan orang tengah yang akan mendapatkan majikan dengan bayaran tertentu
Pegawai pelindung	Mac 1872 jawatan pegawai pelindung buruh dari China diwujudkan
Mengawasi	Untuk mengawasi kemasukan buruh dan imigran dari China

System pengambilan kakitangan	Tahun 1914 sistem tiket telah dimansuhkan dan di ganti dengan system pengambilan kakitangan dan system pengambilan rumah kongsi

B. SISTEM PENGAMBILAN KAKITANGAN

TEMA	HURAIAN TEMA
Majikan	Majikan akan hantar pegawainya ke China untuk dapatkan buruh
Dibiayai	Tambang dan perbelanjaan buruh dibiayai oleh majikan
Mengiringi	Pegawai yang dihantar bertanggungjawab untuk mengiringi buruh-buruh sehingga sampai ke tempat majikan

C. SISTEM PENGAMBILAN RUMAH KONGSI

TEMA	HURAIAN TEMA
Pegawai	Pengambilan buruh dilakukan oleh pegawai di negara China yang dilantik oleh sesebuah rumah kongsi
Dibiayai	Buruh-buruh tersebut akan dibiayai oleh pegawai berkenaan sehingga sampai dirumah kongsi di Tanah Melayu
Dibayar	Pegawai pembawa buruh tersebut akan dibayar oleh tuan punya rumah kongsi dengan kadar yang telah dipersetujui

4. KEMASUKAN BURUH INDIA KE TANAH MELAYU

A. SISTEM BURUH BEBAS

TEMA	HURAIAN TEMA
Sendiri	Datang sendiri dengan biayaan masing-masing
Diaturkan	Diaturkan oleh orang atau kumpulan tertentu kerana kepentingan ekonomi
Bebas	Bila tiba di tanah Melayu bebas memilih tempat dan pekerjaan

B. SISTEM KONTRAK

TEMA	HURAIAN TEMA
Majikan	Majikan akan membiayai tambang ke Tanah Melayu
Bekerja	Buruh tersebut akan bekerja dengan majikan tersebut untuk jangka masa tertentu (1-3 tahun)
Gaji	Gaji minima antara 9-13 sen sehari
Penindasan	Menyebabkan berlaku penindasan dan pemerasan terhadap buruh
Diganti	Sistem ini digantikan dengan sitem Kangani dengan berkuatkuasanya Undang-undang Tabung Imigresen India

C. SISTEM KANGANI

TEMA	HURAIAN TEMA
Maksud	Kangani bermaksud ketua, tandil atau mandur
Kepercayaan	Kangani diberi kepercayaan oleh majikan
Lessen	Akan diberi lessen
Mencari	Dihantar pulang ke India untuk mencari tenaga buruh
Wang	Diberi wang pendahuluan untuk membiayai perbelanjaan buruh sehingga

pendahuluan	mereka tiba di Tanah Melayu
Pengurus agensi	Kangani seperti pengurus agensi yang membawa masuk pekerja asing
Diharamkan	Tahun 1938 sistem ini diharamkan kerana wujud penyelewengan

5. INSTITUSI KEWANGAN DAN INSURAN

TEMA	HURAIAN TEMA
Bermula	Mata wang bermula zaman kesultanan Melaka
Sultan Muzaffar Syah	Pada zaman Sultan Muzaffar Syah mata wang emas, perk dan timah dikeluarkan
Kelantan	Di Kelantan dinar emas
Terengganu	Terengganu menggunakan wang dan kupang emas
Pahang	Di Pahang Jongkong tampang
Mata wang asing	Kedatangan Pedagang Eropah telah memperkenalkan mata wang asing
Sepanyol	Mata wang perak Sepanyol 1850l- digunakan di negeri Melayu dan negeri selat yang bertahan selama 300 tahun
British	British memperkenalkan wang kertas bagi negeri Selat 1906
Bank	Pembangunan ekonomi membawa kepada kemunculan bank
Merchantile bank	Mercantile bank 1859- bank pertama di Tanah Melayu
Charted bank	Bank lain ialah The Chartered Bank 1875, Hong Kong and Shanghai bank 1894
Bank tempatan	Bank tempatan ialah Kwong Yik bank – 1913, bank of malaya1920, Kwong Lee Bank, Sarawak Chinese Bangking Corporation Limited.
Bank pertama orang Melayu	Bank pertama orang Melayu 1947 Malay National Bangking Corporation Bhd.
Insurans	Perkembangan ekonomi menyebabkan munculnya perkhidmatan insurans seperti insurans maritim, kebakaran, insurans harta, perniagaan dan kemalangan serta insurans nyawa.
Contoh	Contoh syarikat insuran Syarikat Royal Insurance Company dari England dan Khean Guan Insurance Limited milik tempatan.

6. DASAR BRITISH TERHADAP PERTANIAN

TEMA	HURAIAN TEMA
Memperkenalkan dasar	Untuk mengaut keuntungan , British memperkenalkan dasar secara langsung dan memberi kesan kepada masyarakat
Tanaman baru	Tanaman baru yang mendapat pasaran baik di peringkat antarabangsa seperti kopi, tembakau dan getah diperkenalkan
Komersialkan	Komersialkan tanaman tradisional gambir dan lada hitam ditanam secara ladang
Buruh	Buruh cina dan India dibawa masuk untuk bekerja di ladang
Undang-undang	Penguatkuasaan untuk meneruskan penguasaan British terhadap ekonomi menyebabkan undang-undang pemilikan
Melindungi	Bagi melindungi tanah milik orang daripada dicerobohi pelabur asing
Menindas	Ada aspek undang-undang ini yang menindas golongan Melayu

7. UNDANG-UNDANG BERHUBUNG TANAH SEBELUM KEDATANGAN BRITISH

Pemilikan	Pemilikan dan penggunaan tanah tidak diberi perhatian
Tanah luas	Tanah luas dan bilangan penduduk rendah.
Cukai	Kadar cukai dan aktiviti ekonomi berkait tanah perlu kebenaran pembesar
Tidak direkod	Tanah tidak direkod secara bertulis.
Bukti pemilikan	Bukti pemilikan dan pengesahan hak milik tiada.
Undang-undang adat	Penggunaan tanah berasaskan undang-undang adat.
	Individu atau syarikat yang berminat untuk mengusahakan hanya perlu mendapat kebenaran pembesar Melayu

8. UNDANG-UNDANG BERHUBUNG TANAH SELEPAS KEDATANGAN BRITISH

Elemen utama	Tanah menjadi elemen utama dalam ekonomi penjajah
Rekod bertulis	Rekod bertulis penting bagi pengesahan hak milik tanah.
Rekod tanah	Rekod tanah memudahkan urus niaga seperti pajakan, sewa beli.
Cagaran	Tanah dijadikan cagaran untuk mendapatkan modal
Tunjang	Pemilikan tanah menjadi tunjang dalam sistem ekonomi penjajah
Undang-undang	Contoh undang-undang tanah ialah Peraturan Tanah Perak 1879, Kanun Tanah Selangor, Peraturan Tanah Sungai Ujong 1887.
Bahagi	British bahagi tanah mengikut kegunaan dan nilai komersial
Cukai	Kadar cukai bergantung kepada jenis tanah
Permohonan	Undang-undang tanah menetapkan individu atau syarikat yang berminat untuk mengusahakan hanya perlu membuat permohonan di Pejabat Tanah sahaja
Kebenaran	Masyarakat tempatan perlu mendapat kebenaran daripada pejabat tanah untuk mengutip sumber hutan
Akta tanah	1913 Akta Tanah Simpanan Melayu diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Persekutuan
Sarawak	Akta yang dikenali sebagai Land Order 1931 dan Land Settlement diperkenalkan di Sarawak pada tahun 1933
Land Order 1948	Seterusnya Land Order 1948 diperkenalkan
Dibahagikan	Undang-undang ini membahagi tanah di Sarawak kepada 3 kawasan iaitu kawasan tanah campuran, kawasan tanah simpanan dan kawasan tanah pedalaman
Sabah	Di Sabah , Proklamasi III perlindungan hak peribumi
Hak peribumi	Untuk menetapkan kepentingan hak peribumi di bawah kuasa Pegawai Daerah

9. AKTA TANAH SIMPANAN MELAYU

TEMA	HURAIAN TEMA
Diluluskan	Diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Persekutuan
Matlamat	Matlamat untuk menjamin kelangsungan masa depan ekonomi, social dan politik orang Melayu di Tanah Melayu
Tujuan	Akta ini bertujuan untuk mengelakkan tanah milik orang Melayu berpindah kepada orang asing
Residen	Melalui akta ini residen berkuasa mengisytiharkan mana-mana kawasan tanah milik orang Melayu sebagai Tanah Simpanan Melayu (TSM)

Mengelakkan	Bertujuan untuk mengelakkan tanah tersebut dijual, dipajak gadaikan atau ditukar milik kepada orang bukan Melayu
Melindungi	Matlamat British sebenar ialah untuk melindungi kepentingan ekonomi penjajah
Tidak dibenarkan	TSM tidak dibenarkan ditanam sebarang tanaman komersial
Tidak subur	Kebanyakan TSM tidak subur

10. DASAR BRITISH TERHADAP PEKEBUN KECIL

a. MENGEKALKAN ORANG MELAYU SEBAGAI PETANI

TEMA	HURAIAN TEMA
Memperkenalkan	Dengan cara memperkenalkan Enakmen Tanah Padi 1917
Melarang	Yang melarang penanaman getah di kawasan tanaman padi
Mengurangkan	Untuk mengurangkan jumlah penyertaan pekebun kecil getah dari kalangan orang Melayu
Premium	Premium permohonan tanah baru untuk penanaman getah dinaikkan
Dilarang	Pembukaan tanah-tanah baru untuk penanaman getah dilarang
Dasar perlindungan	Rancangan Sekatan Stevenson 1922 sebagai dasar perlindungan kepada pemodal dan pengusaha lading Eropah
Kuota	Rancangan Peraturan Getah Antarabangsa memberi kuota yang rendah kepada pekebun kecil
Jabatan parit	Penubuhan Jabatan Parit dan Tali Air untuk membantu kegiatan penanaman padi
Insentif	Menggalakkan pelaburan Eropah dengan memberi insentif kewangan dan bantuan teknikal yang tidak diberikan kepada pekebun kecil

11. KESAN-KESAN DASAR EKONOMI BRITISH

TEMA	HURAIAN TEMA
Pembandaran	Perkembangan pesat ekonomi menyebabkan berlakunya proses pembandaran
Masyarakat berbilang kaum	Dasar penjajah British menggalakkan kemasukan buruh asing telah menyumbang kepada kewujudan masyarakat berbilang kaum
System pendidikan vernacular	Kewujudan Masyarakat berbilang bangsa telah melahirkan system pendidikan vernakular
Pengangkutan dan perhubungan	Perkembangan system pengangkutan dan perhubungan
Hospital	Penubuhan hospital dan pusat kesihatan untuk mengawal wabak penyakit
Sanitary Boad	Sanitary Boad ditubuhkan untuk menjaga kebersihan Bandar

12. SISTEM PENDIDIKAN VERNAKULAR

TEMA	HURAIAN TEMA
Bahasa ibunda	Sistem merupakan sistem pendidikan yang menggunakan bahasa ibunda kaum masing-masing sebagai bahasa pengantar.
Tempat	Sistem pendidikan Melayu sebelum kedatangan British bertempat di surau , masjid, dan sekolah pondok.
Membangun	Kemajuan negeri-negeri yang belum membangun terutamanya Sarawak dan Sabah menerusi kemerdekaan segera
Imbang	Kemasukan Sabah dan Sarawak mengimbangi jumlah kaum di kalangan negeri terlibat

3. Reaksi dalam negeri terhadap cadangan pembentukan Malaysia. (ms 141-145)

Tema	Huraian
Bantu	Rakyat Malaysia melihat Persekutuan Malaysia sebagai usaha membantu negara-negara anggota.
Sokong	Kebanyakan parti politik Persekutuan Tanah Melayu menyokong idea ini tetapi terdapat perbezaan pendapat tentang pelaksanaannya
PAS	Parti Islam Se-Tanah Melayu (PAS) / Barisan Sosialis meminta supaya idea ini dirundingkan terlebih dahulu di kalangan penduduk Tanah Melayu
UMNO	UMNO menyetujui penggabungan dengan Sarawak, Sabah dan Brunei tanpa Singapura
PAP	Di Singapura, Lee Kuan Yew dan Parti Tindakan Rakyat (PAP) menyokong usaha ini kerana bimbang pengaruh Barisan Sosialis
Sosialis	Barisan Sosialis menentang idea ini dan Mengatakan pembentukan Malaysia satu penjajahan bentuk baru.
Sarawak	Reaksi awal Sarawak dan Sabah menolak cadangan tersebut
SUPP	Parti Bersatu Rakyat Sarawak (SUPP) dan Parti Negara Sarawak (PANAS) parti pertama di Sarawak menyokong penubuhan Malaysia
Parti	Kesemua parti di Sarawak akhirnya menyokong menyertai Malaysia
Perikatan	Parti politik UNKO, USNO, Parti Pasok Momugun, Parti Bersatu, Parti Demokratik bersatu membentuk Parti Perikatan Sabah
Sabah	Kesemua parti di Sabah menyokong penyertaan Sabah ke dalam Malaysia
Tuntut	Parti Perikatan Sabah mengemukakan tuntutan yang dikenali sebagai Perkara 20
Brunei	Sultan Brunei menyokong gagasan Malaysia pada peringkat awal
PRB	Parti Rakyat Brunei (PRB) menentang gagasan Malaysia dan menganggap gagasan Malaysia sebagai satu bentuk neokolonialisme

4. Jelaskan reaksi Indonesia terhadap cadangan pembentukan Malaysia. (ms 146)

Tema	Huraian
Awal	Pada peringkat awal tidak menunjukkan sebarang reaksi.
Bantah	Indonesia membantah pembentukan Malaysia / berpendapat pembentukan Malaysia satu bentuk neokolonialisme yang mengancam Indonesia
Konfrontasi	Parti Komunis Indonesia mempengaruhi Presiden Soekarno untuk mengisytiharkan dasar Konfrontasi (dari segi ekonomi dan kemsyarakatan)
Ganyang	Menggunakan konsep Ganyang Malaysia

Serangan	Berlaku serangan terhadap kapal-kapal nelayan Tanah Melayu
Ceroboh	Pencerobohan udara
Intip	Menghantar pengintip ke Tanah Melayu untuk memusnahkan gagasan Malaysia
Lancar	Melancarkan serangan melalui Johor, Sarawak dan Sabah
Buruk	Memburukkan nama Malaysia di negara Afro-Asia dan negara Dunia Ketiga

5. Nyatakan tindakan kerajaan Malaysia menghadapi ancaman Indonesia. (ms 147)

Tema	Huraian
Bantuan	Mendapatkan bantuan tentera Komanwel dari Britain / Australia / New Zealand / Kanada
Bantahan	Tunku Abdul Rahman menghantar bantahan rasmi kepada Setiausaha Agung PBB berhubung pencerobohan Indonesia terhadap Tanah Melayu
Lawatan	Mengadakan lawatan ke beberapa buah negara Afrika bagi menjelaskan kedudukan sebenar hubungan diplomatik antara Malaysia dengan Indonesia
Rundingan	Malaysia, Indonesia dan Filipina mengadakan rundingan dengan menubuhkan MAPHILINDO untuk menyelesaikan konfrontasi tersebut

6. Jelaskan reaksi Filipina terhadap cadangan pembentukan Malaysia. (ms 148)

Tema	Huraian
Tuntut	Presiden Macapagal secara rasmi menuntut hak terhadap Sabah
Dakwa	Mendakwa Sabah masih milik Kesultanan Sulu.
Perjanjian	Tuntutan berdasarkan perjanjian antara Sultan Sulu dengan Baron Von Overbeck
Jual	Baron Overbeck menjual haknya kepada Alfred Dent yang berjaya memperolehi Piagam Diraja British
SBUB	Syarikat ini dikenali Syarikat Utara Borneo British(SBUB) yang memerintah Sabah sehingga kedatangan British
Serah	SBUB kemudiannya menyerahkan pemerintahan Sabah kepada kerajaan British

7. Jelaskan langkah-langkah yang telah diambil oleh Persekutuan Tanah Melayu untuk menubuhkan Malaysia. (ms 149-152)

Tema	Huraian
Lawatan	Tunku Abdul Rahman mengadakan lawatan ke Sabah, Sarawak dan Brunei untuk menerangkan konsep dan tujuan penubuhan Malaysia.
Rundingan	Rundingan diadakan antara pegawai-pegawai kanan PTM dengan pegawai-pegawai British dari Sarawak, Sabah dan Singapura.
JPPK	Hasilnya Jawatankuasa Perunding Perpaduan kaum (JPPK) ditubuhkan di Singapura.
Peranan	JPPK berperanan menerangkan gagasan Malaysia / mengumpul pandangan penduduk / menggalakkan kegiatan ke arah pembentukan Malaysia
Bentuk	British membentuk Suruhanjaya Cobbold
Memorandum	Mesyuarat di Singapura, JPPK mengemukakan satu memorandum kepada Suruhanjaya Cobbold .
Cobbold	Suruhanjaya Cobbold meninjau pendapat rakyat Sarawak dan Sabah tentang gagasan Malaysia / membuat penilaian/ mengemukakan cadangan kepada

	pihak British
Laporan	Laporan Cobbold - satu pertiga penduduk Sarawak dan Sabah menyokong gagasan Malaysia; Satu pertiga menyokong dengan syarat iaitu kepentingan mereka dilindungi dan satu pertiga menginginkan kemerdekaan sebelum menyertai Malaysia.
Cadangan	Cadangan Cobbold - Perlembagaan Malaysia yang baru berasaskan perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu, Sarawak dan Sabah diberikan kuasa menentukan dasar imigresen, Bahasa Melayu dijadikan bahasa kebangsaan, Jaminan terhadap hak dan kedudukan bumiputera Sarawak dan Sabah
JAK	Cadangan Suruhanjaya ini diperincikan oleh Jawatankuasa Antara Kerajaan (JAK)
Bincang	JAK juga membincangkan hak dan kepentingan penduduk Sarawak dan Sabah
Malaysia	Akhir tahun 1962 negeri-negeri terlibat bersetuju dengan pembentukan Malaysia

8. Nyatakan isi perjanjian Malaysia 1963. (ms 155)

Tema	Huraian
Gabung	Akta yang memperuntukkan penggabungan Persekutuan Tanah Melayu, Singapura, Sarawak dan Sabah membentuk negara Malaysia
Ehwal luar	Semua urusan hal-ehwal luar menjadi tanggungjawab kerajaan Persekutuan
Islam	Agama Islam merupakan agama Persekutuan kecuali Sarawak dan Sabah
Bebas	Agama lain bebas diamalkan
BM	Bahasa Melayu merupakan bahasa kebangsaan tetapi bahasa Inggeris dan bahasa lain boleh digunakan
BI	Sarawak dan Sabah bahasa rasmi ialah bahasa Inggeris sehingga10 tahun selepas Hari Malaysia
Imigresen	Negeri Sarawak dan Sabah diberi kuasa mengawal hal-ehwal imigresen dan perkhidmatan awam
Kerusi	Sarawak memperoleh 24 kerusi, Sabah 16 kerusi dan Singapura 15 kerusi parlimen
Taraf	Rakyat bumiputera Sarawak dan Sabah mendapat taraf yang sama dengan orang Melayu di Persekutuan Tanah Melayu

9. Jelaskan tanggungjawab anggota Suruhanjaya Cobbold berhubung dengan pembentukan negara Malaysia

Tema	Huraian
British	Terdiri daripada tiga orang pegawai British / Lord Cobbold, Sir Anthony Ab , David Watherstone
Tempatan	Wakil tempatan terdiri daripada Dato' Wong Pau Nee,Tan Sri Ghazali Shafie
Tinjau	Meninjau pendapat rakyat Sabah dan Sarawak tentang gagasan Malaysia.
Nilai	Membuat penilaian terhadap pendapat rakyat Sabah dan Sarawak.
Cadang	Mengemukakan cadangan rakyat Sabah dan Sarawak kepada kerajaan British
Memorandum	Menerima memorandum yang dikemukakan oleh pelbagai pertubuhan
Laporan	Mengemukakan laporan memorandum kepada kerajaan British
Sokong	Melaporkan bahawa satu per tiga penduduk Sabah dan Sarawak menyokong

	gagasan Malaysia tanpa syarat
Syarat	Satu per tiga rakyat Sabah dan Serawak menyokong dengan syarat Kepentingan mereka harus dilindungi
Merdeka	Satu per tiga rakyat Sabah dan Serawak menginginkan kemerdekaan Sebelum menyertai Malaysia
Asas	Mencadangkan perlembagaan Malaysia berasaskan perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957
Imigresen	Sabah dan Sarawak diberikan kuasa menentukan dasar imegrisennya
Bahasa	Bahasa Melayu dijadikan bahasa kebangsaan
Hak	Jaminan terhadap hak dan kedudukan bumiputera Sabah dan Sarawak
Malaysia	Pemberian nama Malaysia kepada negara baru yang dibentuk
Tarikh	Penentuan tarikh penubuhan Malaysia

10. Mengapakah negara Malaysia berjaya dibentuk walaupun pada mulanya mendapat penentangan yang kuat dari dalam dan luar negara

Tema	Huraian
Gigih	Usaha gigih yang dijalankan oleh kerajaan persekutuan Tanah Melayu secara berterusan
Parti	Usaha Parti Perikatan Tanah Melayu membentuk parti-parti yang menyokong pembentukan Malaysia
Suka	Penduduk Sabah dan Sarawak lebih suka menyertai persekutuan Tanah Melayu daripada menganggotai Indonesia mahupun Filipina
Tangkis	Berjaya menangkis tentangan daripada Indonesia dan Filipina
Komunis	Berjaya menangkis tekanan daripada pihak komunis
diplomasi	Wujudnya diplomasi politik yang tinggi antara kerajaan Persekutuan Tanah Melayu dengan kerajaan British
MAPHILINDO	Melibatkan kerjasama serantau/ASA/ MAPHILINDO
Komanwel	Melibatkan kerjasama antarabangsa/Pertubuhan Komanwel
Bijak	Kebijaksanaan pemimpin yang berjaya mengelakkan pertumpahan darah
Runding	Hasil rundingan pakatan murni dan tolak ansur antara kaum/penduduk
kerjasama	Kerjasama yang diberikan oleh rakyat negara anggota untuk memastikan kedaulatan negeri terjamin
perjanjian	Perjanjian Malaysia mengambil kira kepentingan semua negeri anggota

BAB 7: SISTEM PEMERINTAHAN DAN PENTADBIRAN NEGARA NEGARA MALAYSIA

BADAN PERUNDANGAN

Parlimen berfungsi sebagai penggubal undang-undang dan ia terdiri daripada Yang dipertuan Agong, Dewan Negara dan Dewan Rakyat

Dewan Negara

Tema	Huraian
perundangan	Parlimen terdiri drp. Yang Dipertuan Agong, Dewan Negara. Dewan Rakyat dan ia sbg badan penggubal
senator	Ahli dipanggil senator
mengandungi	Jumlah Ahli 69 orang (26 dipilih oleh Dewan Undangan Negeri 2 dilantik mewakili persekutuan dan 1 labuan. manakala 40 terdiri drp. individu berjasa.
dilantik	Ahli dilantik tanpa pilihanraya oleh YDA
Tempoh jawatan	Ahli senator memegang jawatan selama 3 tahun
umur	Sekurang-kurangnya mesti berumur 30 tahun
sama	Taraf ahli senator sama dengan ahli parlimen
Jemaah menteri	Ahli dewan Negara boleh dilantik menjadi jemaah menteri

Dewan Rakyat

dipilih	Ahli dewan dipilih oleh rakyat
Semua kawasan	Ahli dewan Rakyat mewakili semua kawasan
Tempoh	Tempoh jawatan ahli selama 5 tahun
tugas	Tugas ahli adalah menggubal dan meluluskan undang-undang di peringkat dewan
akta	Undang-undang yang diluluskan dipanggil Akta

Proses menggubal dan meluluskan undang-undang di parlimen

cadang	Membuat cadangan undang-undang oleh kementerian
menggubal	Rang undang-undang digubal
Bacaan pertama	Bacaan kali pertama dilakukan di Dewan Rakyat
Bacaan kedua	Bacaan kali kedua untuk dibahaskan
terperinci	Bacaan dilakukan dan diteliti secara terperinci oleh jawatankuasa Dewan Rakyat
Bacaan ketiga	Dibahas dan diluluskan untuk dikemukakan ke Dewan Negara
Bentang	Rang undang-undang dibentangkan di Dewan Negara
serah	Rang undang-undang di serah untuk mendapat perkenan Yang Dipertuan Agong menurunkan cop Mohor Negara
Warta	Undang-undang diwartakan dalam warta kerajaan

BADAN PELAKSANA

Sistem Jemaah Menteri
-ia merupakan badan pelaksana dasar kerajaan ,dan diketuai oleh Perdana Menteri.

Struktur pentadbiran sesebuah kementerian di Malaysia

menteri	Setiap kementerian diketuai oleh seorang menteri
tugas	Setiap menteri diberi tugas berkaitan dengan kementerian masing-masing
dibantu	Menteri dalam kementerian akan dibantu oleh Timbalan menteri,setiausaha parlimen dan setiausaha politik
perjalanan	Perjalanan kementerian diawasi oleh jabatan perkhidmatan Awam
diketuai	Pentadbiran kementerian diketuai oleh ketua setiausaha kementerian
jabatan	Dibawah kementerian terdapat jabatan,mewaklili pusat,negeri dan daerah
Ketua jabatan	Jabatan kerajaan diketuai oleh ketua jabatan yang dipanggil ketua pengarah
Badan berkanun	Kementerian yang mempunyai Badan Berkanun akan ditadbir oleh Lembaga Pengarah yang bertanggungjawab terhadap badan tersebut.

BADAN KEHAKIMAN

Bidang tugas Badan Kehakiman di Malaysia

mendengar	Mendengar dan menentukan perkara sivil dan jenayah
sivil	Perkara sivil berkaitan dengan saman dan keperluan afidavit
jenayah	Melibatkan kanun keseksaan
kesahihan	Badan kehakiman akan menentukan kesahihan undang-undang yang dibuat oleh Badan Perundangan
mentafsir	Badan ini juga akan mentafsir perlembagaan persekutuan dan perlembagaan Negeri
mengistihar	Badan kehakiman akan mengisytiharkan undang-undang bertulis kerajaan persekutuan dan Negeri
Tidak sah	Badan ini juga akan mengisytiharkan sesuatu tindakan tidak sah di sisi undang-undang
meminda	Badan kehakiman juga tidak mempunyai kuasa untuk meminda undang-undang

BAB 8 : PEMBANGUNAN DAN PERPADUAN UNTUK KESEJAHTERAAN

RANCANGAN PEMBANGUNAN LIMA TAHUN TAHAP KEDUA

RANCANGAN MALAYSIA KEDUA

TEMA	
DEB	Rancangan pembangunan lima tahun pertama di bawah DEB
Selesai	Matlamatnya utk menyelesaikan masalah ekonomi dan social antara kaum, kawasan dan wilayah
basmi	Usaha membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum
peluang	Menambah pendapatan dan menyediakan peluang pekerjaan
identiti	Bagi merapatkan jurang ekonomi serta menghapuskan identiti kaum mengikut fungsi ekonomi
program	Program kawasan luar Bandar diteruskan
agensi	Beberapa agensi di bawah Kementerian Tanah dan Kemajuan Wilayah ditubuhkan utk laksana program pembangunan wilayah
bantu	Agensi lain ditubuhkan utk bantu petani, menggalakkan perkembangan perusahaan dan perdagangan serta memajukan bandar

AGENSI KERAJAAN YANG DITUBUHKAN DALAM RANCANGAN MALAYSIA KEDUA

TEMA	
LPN –padi	Lembaga Beras dan Padi Negara berfungsi menstabilkan harga padi
LKIM-nelayan	Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia berfungsi untuk membangun dan memodenkan industri perikanan serta meningkatkat kan taraf hidup nelayan
UDA-bandar	Perbadanan Pembangunan Bandar berfungsi membangunkan Bandar
RISDA- pekebun	Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah berfungsi membantu pekebun kecil getah dari segi penyelidikan dan penanaman semula getah
LPP- koperasi	Lembaga Pertubuhan Peladang untuk membantu golongan petani melibatkan diri dalam kegiatan koperasi
PETRONAS- petroleum	Petroleum Nasional Berhad berfungsi memajukan sector perindustrian dan perniagaan yang berkaitan dengan petroleum
Perbadanan	Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri bertujuan menggalakkan perindustrian dan perdagangan dgn menyediakan tapak perindustrian, perumahan,ruang pejabat dan kedai

RANCANGAN MALAYSIA KETIGA

TEMA	
Dokong	Lanjutan Ranc. M'sia Kedua yg terus mendokong aspirasi DEB
susun	Usaha basmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat
terus	Program pembangunan pertanian dan perindustrian diteruskan
tingkat	Bertujuan meningkatkan produktiviti, membuka peluang pekerjaan dan

	meningkatkan taraf hidup rakyat
tanah	Pembukaan tanah secara besar-besaran
agensi	Dilaksanakan di bawah program pembangunan wilayah oleh agensi Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA), Lembaga Kemajuan Trengganu Tengah (KETENGAH), Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara(DARA) dan Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR)
eksport	Tumpuan kpd penanaman getah dan kelapa sawit untuk keperluan eksport

RANCANGAN MALAYSIA KEEMPAT

TEMA	
dukung	Mendukung aspirasi DEB
terus	Meneruskan program pembangunan ekonomi Ranc. M'sia Ketiga
berat	Tumpuan kepada perusahaan berat
mahir	Berasaskan pelaburan modal dan penggunaan teknologi tinggi serta keperluan tenaga kerja mahir
tubuh	Kerajaan menubuhkan Perbadanan Industri Berat Malaysia (HICOM) 1980
projek	Tujuan utk mengenalpasti, memulakan dan menguruskan projek industri berat dgn cekap
pelaburan	Bagi menggiatkan perindustrian dan menggalak pelaburan modal asing perusahaan baru dibuka
Skudai	Di Skudai (Johor), di Senawang (N.9), Bintulu (S'wak) serta Menggatal dan Likas (Sabah)
zon	Zon perdagangan bebas diperkenalkan di Bayan Lepas (P.Pinang) dan Sungai Way (Selangor)
lancar	Dua program dilancarkan pd th 1983 iaitu Kajian Dasar Perindustrian Malaysia dan Pelan Induk Perindustrian
lemah	Kajian dasar Perindustrian Malaysia utk mengenalpasti kelemahan dlm struktur industri negara
Hala tuju	Pelan Induk Perindustrian menyedia hala tuju pembangunan industri dan strategi perlaksanaannya
dasar	Pengenalan Dasar Penswastaan dan Dasar Pensyarikatan Malaysia
beban	Penglibatan sector swasta utk mengurangkan bebanan kerajaan
saham	Bagi imbangi pemilikan harta dan saham perindustrian antara kaum bumiputera dgn bukan bumiputera, Permodalan Nasional Berhad (PNB) dan Skim Amanah Saham Nasional (ASN) dilancar 1981
pertanian	Sector pertanian diberi perhatian menerusi Dasar Pertanian Negara (DPN)
moden	Bermatlamat utk memoden dan menggiatkan semula sector pertanian secara bersepadu
infrastruktur	Dengan menyediakan infrastruktur dan perkhidmatan sokongan
catat	RM4 mencatat perkembangan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada kadar 5.8% setahun
kapita	Pendapatan perkapita meningkat 4.4% setahun menjadikan Rm 4000 juta setahun pd 1985

RANCANGAN MALAYSIA KELIMA

TEMA	
akhir	Rancangan lima tahun terakhir dlm merealisasikan DEB
tekan	Penekanan kpd meningkatkan sector perindustrian
longgar	Dengan melonggarkan peraturan mengawal hak milik syarikat dan pelesenan dlm sector swasta
asing	Melonggarkan syarat pelaburan modal asing utk meningkatkan pelaburan sector berorientasikan eksport
Cekap	Meningkatkan kecekapan pengurusan agensi agar dpt b/kerjasama dgn swasta
luar	Pembangunan luar Bandar diberi perhatian
desa	Industri desa seperti kraf tangan digalakkan
kredit	Utk kemudahan tersebut, kredit dan insentif diperluaskan spt melalui Bank Pertanian, Skim Pinjaman Khas Pertanian dan Amanah Ikhtiar Malaysia
pelancongan	Sector pelancongan menjadi perusahaan penting
lancar	Penubuhan Perbadanan Pelancongan Malaysia
lawat	Pelancaran Tahun Melawat Malaysia
penyelidikan	Memajukan bidang penyelidikan dan pembangunan utk meningkatkan keupayaan dan kecekapan guna tenaga tempatan utk meningkatkan produktiviti negara
berjaya	DEB Berjaya merapatkan jurang antara kaum serta wilayah

RUKUN NEGARA

TEMA	
kesan	Pembentukan Rukun Negara kesan drp peristiwa 13 Mei 1969
rusuhan	Peristiwa rusuhan kaum berlaku telah mengancam ketenteraman, keamanan dan keselamatan negara
Ambil alih	Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) dipertanggungjawabkan mengambil alih pentadbiran negara
tubuh	Menubuhkan Majlis Perundingan Negara (MPN)
isu	Tujuannya untuk membincangkan dan menilai isu perpaduan Negara
ideologi	MPN menekankan pembentukan ideology Negara yg dikenal sebagai Rukun Negara dan diisytiharkan pd 31 Ogos 1970
kukuh	Matlamatnya utk mengukuhkan perpaduan
corak	Memelihara corak hidup demokratik
cipta	Mencipta sebuah masyarakat yg adil
jamin	Menjamin sikap liberal kebudayaan yang pelbagai
bina	Membina masyarakat yg progresif yg akan menggunakan sains dan teknologi
prinsip	Rukun Negara mempunyai lima prinsip
pertama	Prinsip pertama Kepercayaan kepada Tuhan
agama	Menunjukkan agama merupakan pegangan paling utama rakyat Malaysia
urus	Rakyat yg beragama mudah diurus menjadi warganegara yg baik dan b/jawab

rasmi	Perlembagaan Malaysia menetapkan agama Islam agama rasmi tetapi agama lain bebas diamalkan
kedua	Prinsip kedua Kesetiaan Kepada Raja dan Negara
tuntut	Menuntut semua rakyat Malaysia setia kepada raja dan negara
ketua	Yang di-Pertuan Agong adalah ketua negara dan raja melayu ketua negeri
simbol	Raja adalah symbol penyatuan rakyat dan pelindung hak istimewa pribumi
derhaka	Penderhakaan kepada raja bermaksud menderhaka kpd Negara
ketiga	Prinsip ketiga Keluhuran Perlembagaan
luhur	Menekankan keluhuran perlembagaan
utama	Perlembagaan merupakan undang-undang utama bagi sesebuah Negara
suci	Dan dianggap luhur, unggul serta suci
tuntut	Keluhuran perlembagaan menuntut semua rakyat menerima, mematuhi, menyanjung dan mempertahankannya
keempat	Prinsip keempat Kedaulatan Undang-Undang
hormat	Menuntut rakyat menghormati undang-undang dgn tidak melakukan kesalahan disisi undang-undang
hidup	Semua rakyat akan hidup aman dan damai apabila kedaulatan undang-undang terpelihara
pasti	Kita b/jawab memastikan undang-undang Negara sentiasa didaulatkan dan tidak dicabar oleh mana-mana pihak
kelima	Prinsip kelima Kesopanan dan Kesusilaan
tuntut	Menuntut semua rakyat Malaysia bersopan dan bertatasusila
murni	Kesopanan dan kesusilaan merupakan nilai-nilai murni yg melambangkan keperibadian seseorang individu
jamin	Juga menjamin kehidupan masyarakat yg harmoni,penyayang dan saling menghormati

.

Dasar Pendidikan Kebangsaan dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan

1. Kandungan Ordinan Pelajaran 1957.

Tema	Huraian
Dua	Terdapat dua elemen penting dalam dasar pendidikan negara
Sistem	Elemen pertama ialah sistem persekolahan yang sama bagi semua penduduk.
Seragam	Elemen kedua ialah penyeragaman kurikulum bercorak kebangsaan
Jenis Sekolah	Dua jenis sekolah peringkat rendah di wujudkan iaitu sekolah Umum dan sekolah jenis umum
Bahasa Melayu	Sekolah Umum menggunakan Bahasa pengantar Bahasa Melayu
B. Inggeris	Sekolah jenis umun (rendah) menggunakan bahasa Inggeris, Cina dan tamil sebagai bahasa pengantar.
Menengah	Sekolah menengah Melayu menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar
Pengantar	Sekolah menengah Inggeris menggunakan bahasa pengantar B.Inggeris
Wajib	Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris diwajibkan di semua sekolah.

2. Matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan

Tema	Huraian
Pelengkap	Sebagai pelengkap Dasar Pendidikan Kebangsaan
Hala tuju	Menentukan hala tuju sistem pendidikan negara kita
Perpaduan	Memupuk perpaduan dalam negara
Pelbagai	Masyarakat Malaysia terdiri daripada pelbagai keturunan,adat resam dan agama
Integrasi	Pendidikan penting untuk integrasi nasional.

3. Hala tuju sistem pendidikan negara berdasarkan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Tema	Huraian
Usaha	Pendidikan adalah usaha yang berterusan
Potensi	Dapat memperkembangkan potensi individu
Seimbang	Bagi melahirkan insan yang seimbang
Patuh	Melahirkan Insan yang percaya dan patuh kepada Tuhan
Berilmu	Melahirkan warganegara yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia dan bertanggungjawab.
Sejahtera	Melahirkan warganegara yang berjaya mencapai kesejahteraan
Sumbangan	Melahirkan warganegara yang dapat memberikan sumbangan kepada keluarga, masyarakat dan negara.

4. Kedudukan Bahasa Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu

Tema	Huraian
Kebangsaan	Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan
Rasmi	Bahasa Melayu digunakan sebagai tujuan rasmi
Terjemah	Kerajaan boleh menggunakan dokumen yang diterjemahkan dalam Bahasa Melayu mengikut keperluan.
Perpaduan	Bahasa Melayu adalah merupakan alat perpaduan nasional.

5. Langkah - langkah untuk memartabatkan Bahasa Melayu sebagai bahasa Kebangsaan.

Tema	Huraian
DBP	Penubuhan Dewan Bahasa dan Pustaka
Minggu	Pelancaran Minggu Bahasa dan Bulan Bahasa
Slogan	Pelancaran slogan “ Minggu Bahasa “ dan “ Bulan Bahasa
Bahasa Melayu	Penubuhan sekolah menengah yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar seperti Sekolah Alam shah.
Akta	Meluluskan Akta Bahasa Kebangsaan 1967
Tukar	Menukarkan bahasa pengantar di sekolah rendah Inggeris kepada bahasa Kebangsaan secara berperingkat- peringkat.
UKM	Penubuhan Universiti Kebangsaan Malaysia pada 1977

Pengantar	Mulai 1982 bahasa Melayu menjadi bahasa pengantar di semua sekolah menggantikan bahasa Inggeris
Mahkamah	Penggunaan bahasa Melayu di mahkamah pada tahun 1990

6. Prinsip - prinsip utama Dasar Kebudayaan Kebangsaan.

Tema	Huraian
Asal	Kebudayaan rakyat asal rantau Melayu sebagai tunjang
Lain	Unsur-unsur kebudayaan lain yang wajar dan sesuai boleh diterima
Islam	Islam sebagai unsur yang terpenting

6. Kepentingan dasar Kebudayaan Kebangsaan

Tema	Huraian
Panduan	Menjadi panduan dalam membentuk dan mengekalkan identiti negara Malaysia
Perpaduan	Bertujuan memperkukuh perpaduan melalui kebudayaan
Memelihara	Memupuk dan memelihara keperibadian kebangsaan
Kemanusian	Memperkaya dan mempertingkat kualiti kehidupan dari aspek kemanusiaan
Kerohanian	Memperkaya dan mempertingkat kualiti kehidupan dari aspek kerohanian
Sosio-ekonomi	Mempertingkat kualiti kehidupan seimbang dengan pembangunan sosio ekonomi

7. Cara- cara membentuk semangat perpaduan di negara kita

Tema	Huraian
Ideologi	Penyertaan dalam sukan tanpa mengira ideologi
Patriotik	Dapat menyemarakkan semangat patriotik di kalangan rakyat
Had	Aktiviti sukan tidak menghadkan penyertaan kepada sesuatu kaum sahaja
Peluang	Aktiviti sukan membuka peluang seluas-luasnya kepada mereka yang berminat Pada
Galak	peringkat sekolah, sukan merupakan aktiviti sukan yang digalakkan
MSS	Majlis Sukan sekolah-sekolah ditubuhkan di peringkat daerah, negeri dan kebangsaan
SUKMA	Temasya Sukan Malaysia (SUKMA) diadakan dua tahun sekali
Perpaduan	SUKMA dapat mengeratkan perpaduan antara kaum / hubungan antara negeri

8. Peranan sukan ke arah memupuk perpaduan.

Tema	Huraian
Ideologi	Sukan tidak mengira ideologi
Patriotik	Dapat menyemarakkan semangat patriotik di kalangan rakyat

Tiada had	Aktiviti sukan tiada had penyertaan kepada satu- satu kaum
Peluang	Peluang terbuka luas kepada sesiapa sahaja yang berminat.
Ko- ko	Menggalakkan aktiviti ko- kurikulum di sekolah
MSS	Menubuhkan Majlis Sukan Sekolah- Sekolah (MSS) di peringkat daerah, negeri dan kebangsaan
SUKMA	Sukan Malaysia diadakan dua tahun sekali bagi mengeratkan perpaduan antara negeri.

9. Matlamat Wawasan 2020

Tema	Huraian
Maju	Menjadi sebuah negara maju menjelang 2020
Acuan	Menjadi industri yang menggunakan acuan sendiri
Setanding	Setanding dengan negara maju di dunia
Bersepadu	Menitikberatkan kemajuan bersepadu

10.. Cara - cara mencapai kemajuan bersepadu melalui wawasan 2020.

Tema	Huraian
Perpaduan	Perpaduan rakyat
Politik	Kestabilan politik
Taraf	Ketinggian taraf hidup
Moral	Kekukuhan nilai moral dan etika
Kukuh	Kekukuhan sistem kerajaan
Maruah	Ketinggian maruah bangsa
Semangat	Semangat yakin diri bangsanya

11. Cabaran - cabaran dalam wawasan 2020

Tema	Huraian
Bersatu padu	Membina bangsa Malaysia yang bersatu padu
Bebas	Membina masyarakat berjiwa bebas, tenteram dan berkeyakinan
Demokratik	Memupuk dan membina masyarakat demokratik yang matang
Bermoral	Mewujudkan masyarakat yang bermoral dan beretika
Matang	Mewujudkan masyarakat yang matang , liberal dan bertoleransi
Maju	Membina masyarakat yang maju dan saintifik
Penyayang	Mewujudkan masyarakat berbudaya penyayang
Adil	Menjamin masyarakat yang adil dan saksama ekonominya
makmur	Membina masyarakat yang makmur

12. Strategi - strategi membina bangsa Malaysia yang bersatu padu

Tema	Huraian
Dasar	Melaksanakan dasar-dasar kerajaan seperti Dasar Pembangunan
Hubungan	Mewujudkan hubungan sihat antara kaum
Orientasi	Mewujudkan rakyat yang berorientasikan Malaysia.

13. Strategi- strategi mewujudkan masyarakat yang bermoral dan beretika

Tema	Huraian
Seimbang	Menyeimbangkan etika dengan kemajuan fizikal
Agama	Masyarakat perlu patuh kepada agama
Budaya	Masyarakat mengamalkan budaya dan tradisi yang cemerlang
FPK	Melalui sistem pendidikan yang berkesan.- FPK
Berilmu	Melahirkan insan berilmu, berakhlak, seimbang dan harmonis
Keluarga	Melalui institusi kekeluargaan yang unggul

14. Strategi ke arah menjamin Masyarakat yang Adil dan saksama dari segi ekonomi.

Dasar	Melaksanakan dasar- dasar ekonomi- seperti rancangan Pembangunan Lima tahun, Dasar Pembangunan Luar bandar dll
Keadilan	Menjamin keadilan ekonomi dan meningkatkan taraf hidup rakyat.
Membantu	Mengamalkan sikap bekerjasama dan saling membantu
Masyarakat	Mengutamakan kepentingan masyarakat daripada diri sendiri
Kasih- sayang	Mengamalkan kasih sayang dalam keluarga dan masyarakat.
Tradisi	Menonjolkan budaya dan tradisi yang penuh dengan nilai- nilai murni.

15. Strategi membina masyarakat yang Maju dan saintifik

Tema	Huraian
Progresif	Bersikap progresif
Serap	Mampu menyerap perubahan persekitaran untuk membina kecemerlangan
Ilmu	Menguasai ilmu Sains dan Teknologi
Budaya	Membina budaya Ilmu yang membina produktiviti
Kreatif	Perlu Kreatif dan inovatif

BAB 9 : MALAYSIA DALAM KERJASAMA ANTARABANGSA

KONFLIK ANTARABANGSA

1. Peristiwa Perang Dunia Kedua

Tema	Huraian Tema
Poland	Perang Dunia Kedua meletus apabila Jerman menyerang Poland dari Barat manakala USSR menyerang Poland dari Timur
Isytihar	Serangan ini menyebabkan Britain dan Perancis mengisytiharkan perang terhadap Jerman
Menguasai	Jerman menguasai Perancis dan melancarkan serangan ke atas British tetapi gagal
Mengejut	Pada 7 Disember 1941 Jepun melancarkan serangan mengejut terhadap Pearl Harbor di Hawaii dan Berjaya memusnahkan angkatan perang Amerika Syarikat di Lautan Pasifik.
Duduki	Pada September 1942, Jepun menduduki Tanah Melayu termasuk Singapura setelah berjaya mengalahkan Britain.
Kuasa	Amerika Syarikat memilih untuk menyertai Kuasa Bersekutu yang terdiri daripada Britain, Perancis dan Soviet Union manakala Kuasa Paksi terdiri daripada Jerman, Itali dan Jepun.
Kalah	Pada bulan Mei 1945 Kuasa Bersekutu Berjaya menyelesaikan masalah di Eropah apabila pihak Jerman dikalahkan
Jepun	Amerika Syarikat beralih ke Asia dan memenangi beberapa peperangannya dengan Jepun tetapi masih bersemangat meneruskan perjuangan mereka.
Bom	Pada 6 Ogos 1945, Presiden Amerika Syarikat, Harry Truman mengarahkan bom atom yang pertama digugurkan di Hiroshima dengan alasan ingin mengelakkan tempoh peperangan yang lama dan kehilangan nyawa yang lebih ramai.
Kedua	Dua hari kemudian, bom kedua dijatuhkan di Nagasaki dan dalam masa yang singkat Bandar tersebut musnah.

2. Kesan-kesan Perang Dunia Kedua

Tema	Huraian Tema
Jerman	Perang Dunia Kedua telah menyebabkan Negara Jerman terbahagi kepada dua iaitu Jerman Barat dan Jerman Timur.
Runtuh	Memperlihatkan keruntuhan system imperialisme Barat dan kemerdekaan satu demi satu tanah jajahan daripada kuasa-kuasa besar Eropah.
Merdeka	Amerika Syarikat telah memberikan kemerdekaan kepada Filipina. Indonesia mencapai kemerdekaan daripada Belanda manakala India dan Tanah Melayu daripada Britain.
Tangani	Negara-negara baru terpaksa menangani masalah yang timbul daripada warisan ekonomi penjajah dan membangunkan ekonomi masing-masing
Korban	Peperangan ini menyebabkan jumlah korban nyawa yang tinggi dan menimbulkan kesedaran tentang pentingnya kesejahteraan dan kedamaian dunia.

Bubar	Bulan Oktober 1945, Liga Bangsa dibubarkan dan digantikan dengan pembentukan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.
Dingin	Berlaku Perang Dingin disebabkan perbezaan ideologi antara dua kuasa besar dunia iaitu Amerika Syarikat dan Soviet Union.

3. Soalan KBKK

Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, bagaimanakah sesebuah negara dapat mengelakkan berlakunya peperangan?

Tema	Huraian Tema
Akur	Akur dengan Piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)
Hubungan	Menjalin hubungan berbaik-baik dengan negara luar melalui hubungan bilateral dan hubungan multilateral
Hak Asasi	Mendukung hak asasi manusia
Berkecuali	Mengamalkan dasar berkecuali dalam sesuatu pergolakan politik dunia.
Global	Bertindak sebagai warga global yang bertanggungjawab dan peka terhadap usaha memupuk kesejahteraan dunia.
Senjata	Tidak terlibat dalam sebarang perlumbaan senjata
Nasional	Memelihara kepentingan nasional dan mengekalkan kedaulatan negara.

KEMUNCULAN BLOK DUNIA DAN PERANG DINGIN

1. Blok Dunia

Tema	Huraian Tema
Sehaluan	Blok Dunia merujuk kepada negara-negara yang sehaluan yang berusaha untuk bersatu dan bertindak secara bersama bagi menjaga kepentingan ahli.
Bentuk	Blok ini tampil dalam pelbagai bentuk, iaitu sama ada berdasarkan politik, ekonomi atau geografi
Geopolitik	Blok Dunia yang terbentuk semasa Perang Dingin berasaskan geopolitik.

2. Perang Dingin

Tema	Huraian
Berlaku	Perang Dingin berlaku sejak tamatnya Perang Dunia Kedua sehinggalah tahun 1989 apabila sistem komunis Soviet Union hancur.
Ideologi	Perang Dingin berlaku disebabkan ideologi dan fahaman politik yang berbeza.
Persaingan	Merujuk kepada persaingan kuasa yang berlaku antara blok kapitalis yang diketuai oleh Amerika Syarikat dengan blok Komunis yang diketuai oleh Soviet Union.
Kekuatan	Tidak berlaku sebarang konflik bersenjata secara langsung namun kedua-dua blok ini ingin membuktikan kekuatan masing-masing.
Berusaha	Berusaha menyebarkan pengaruh dan memajukan kepentingan masing-masing di Eropah dan Asia melalui propaganda serta bantuan ekonomi dan ketenteraan.
Tidak Bersekongkol	Negara-negara Dunia Ketiga tidak bersekongkol dengan mana-mana negara daripada blok komunis mahupun blok kapitalis.

3. Kesan Perang Dingin

Tema	Huraian
Blok	Kesan Perang Dingin iaitu pembentukan blok dunia kepada Blok Kapitalis dan Blok Komunis.
NATO	Amerika Syarikat dan sekutunya mewujudkan pakatan tentera iaitu penubuhan NATO untuk menyekat pengaruh komunis.
Warsaw	Soviet Union dan negara-negara komunis menubuhkan Pakatan Warsaw
SEATO	Amerika Syarikat membentuk Pertubuhan Perjanjian Asia Tenggara atau South-East Asia Treaty Organization (SEATO) untuk menyekat pengaruh komunis di Asia Selatan
Lumba	Berlaku perlumbaan senjata di antara Blok Kapitalis dan Blok Komunis.

4. Soalan KBKK

Berdasarkan pengetahuan anda, bagaimanakah kedua-dua blok kuasa tersebut memperkukuhkan pengaruh masing-masing?

Tema	Huraian
Sehaluan	Negara-negara yang sehaluan yang berusaha untuk bersatu
Bersama	Bertindak secara bersama bagi menjaga kepentingan ahli
Pengaruh	Berusaha menyebarkan pengaruh dan memajukan kepentingan masing-masing di Eropah
Bentuk	Tampil dalam pelbagai bentuk iaitu berdasarkan aspek politik, ekonomi dan sosial
Kekuatan	Kedua-dua blok ingin membuktikan kekuatan dan cuba menarik negara-negara baru menyertai blok tertentu.
Propaganda	Melakukan propaganda dan bantuan ekonomi
Peperangan	Kedua-dua blok sentiasa berhati-hati untuk mengelak tercetusnya peperangan.
Cabaran	Memberikan cabaran dalam usaha membina identiti yang tersendiri
Hubungan	Cabaran ini seharusnya ditangani dengan adanya hubungan antarabangsa dan serantau untuk menjamin kepentingan bersama.

MALAYSIA DALAM PERTUBUHAN ANTARABANGSA

DASAR LUAR MALAYSIA

1. Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Asas Penggubalan Dasar Luar Malaysia.

Sejarah

Tema	Huraian Tema
Melaka	Sejak Zaman Kesultanan Melayu Melaka telah terjalin hubungan dengan negara luar seperti China, Arab, Siam dan negeri-negeri di Kepulauan Melayu
Perdagangan	Hubungan luar ini lebih berbentuk hubungan perdagangan

Rumpun	Hubungan luar berdasarkan serumpun di Kepulauan Melayu termasuklah negara-negara yang pada hari ini dikenali sebagai Indonesia,Brunei,Singapura dan Malaysia
Komanwel	Malaysia menjalinkan hubungan luar selepas merdeka dengan menyertai pertubuhan Komanwel termasuk Britain,Australia dan New Zealand
Pro-Barat	Malaysia menjalinkan hubungan luar yang Pro-Barat
Gantung	Malaysia masih bergantung kepada kuasa Barat kerana belum mempunyai keupayaan pertahanan

Faktor Ekonomi

Tema	Huraian
Bebas	Malaysia menjalin hubungan baik dengan negara-negara lain di dunia dalam usaha memajukan ekonomi kerana mengamalkan pasaran bebas
Pengeluar	Malaysia menjalinkan hubungan luar dengan Britain dan Amerika Syarikat kerana Malaysia merupakan antara negara pengeluar pertama bijih timah dan getah
Modal	Mengharapkan pasaran dan modal dari negara-negara tersebut untuk menggalakkan pelaburan asing untuk meningkatkan ekonomi negara dan menyediakan peluang pekerjaan
Timur	Melalui Dasar Pandang ke Timur,pelaburan asing juga digalakkan dari negara-negara di Timur terutama Jepun dan Korea
Pasaran	Menjalin hubungan baik dengan negara-negara sedang membangun untuk pasaran barangan dan pelaburan
Islam	Hubungan dengan negara-negara Islam bagi meningkatkan pasaran barangan keluaran dan mengadakan pelaburan di negara Islam

Faktor Politik

Demokrasi	Amalan sistem pemerintahan demokrasi berparlimen,Malaysia berhak menentukan hala tuju masa depannya sendiri berdasarkan prinsip-prinsip keamanan sejagat
Pemeliharaan	Menekankan pemeliharaan kedaulatan negara-negara lain.Contohnya dasar Malaysia yang menyokong Palestin bagi mewujudkan keamanan di rantau Asia Barat
Prinsip	Berpegang teguh pada prinsip-prinsip dan resolusi Piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) bagi memelihara keamanan dunia

Faktor Geografi

Strategik	Kedudukan yang strategik dan bersempadan dengan hampir kebanyakan negara Asia Tenggara seperti Indonesia, Singapura, Thailand dan Brunei
Laluan	Perairannya menjadi laluan utama kapal-kapal perdagangan di dunia, keselamatan negara serantau akan mempengaruhi dan meninggalkan kesan terhadap Malaysia

Faktor Demografi

Islam	Menjalin hubungan diplomatik yang baik dengan negara-negara Islam sejajar dengan penduduknya yang majoriti beragama Islam
Israel	Malaysia tidak mengadakan hubungan diplomatik dengan negara Israel disebabkan dasar negara berkenaan yang menceroboh dan menindas peribumi Palestine
Aparteid	Menentang keras Dasar Aparteid yang diamalkan di Afrika Selatan kerana rakyat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum dan agama diberikan kebebasan untuk mengamalkan budaya hidup dan agama masing-masing
Hapus	Malaysia juga tidak mengadakan sebarang hubungan diplomatik dengan negara berkenaan sehinggalah undang-undang dasar Aparteid itu dihapuskan sikap komited terhadap hak asasi manusia

Malaysia dalam Pertubuhan Antarabangsa

1. Matlamat Penubuhan Komanwel

Tema	Huraian
Setia	Untuk membina semangat setiakawan di kalangan negara anggota
Kerjasama	Mewujudkan kerjasama dalam segala bidang di kalangan negara anggota

2. Ciri-ciri Negara Komanwel

Tema	Huraian Tema
Bekas	Anggotanya terdiri daripada negara bekas tanah jajahan Britain yang telah merdeka
Keanggotaan	Keanggotaannya terdiri daripada 54 buah negara maju dan juga negara yang sedang membangun
Pejabat	Sekretariat Komanwel telah ditubuhkan pada tahun 1965 dan beribu pejabat di London
Dua	Mesyuarat Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) diadakan di kalangan negara anggota setiap dua tahun
Inggeris	Penggunaan bahasa Inggeris di kalangan negara-negara anggota
Kerajaan	Sistem kerajaan dan pentadbiran mengikut sistem British
Setaraf	Semua ahli Komanwel dianggap setaraf
Raja	Raja Britain sebagai Ketua Komanwel
Asas	Sistem Perundangan dan kehakiman berasaskan sistem British

3. Faedah Yang Di perolehi Oleh Malaysia Setelah Menjadi Negara Anggota Komanwel

Tema	Huraian
Memelihara	Negara-negara Komanwel telah membantu Malaysia memelihara keamanan dan kedaulatan negara dalam bentuk menyekat perjuangan Parti Komunis Malaya.
Pertahanan	Perjanjian Pertahanan antara Malaysia dengan Britain, Australia dan New Zealand
Konfrontasi	Kerjasama pertahanan dengan membantu Malaysia sekiranya diserang oleh mana-mana pihak semasa Malaysia berkonfrontasi dengan Indonesia

Tuan Rumah	Menjadi tuan rumah Mesyuarat CHOGM di Malaysia pada tahun 1989 di Kuala Lumpur
Deklarasi	Mengisytiharkan Deklarasi Langkawi
Aparteid	Malaysia menentang dasar Aparteid di Afrika Selatan yang menyalahgunakan hak asasi manusia
Cukai	Eksport Malaysia ke negara-negara Komanwel terutamanya Britain dikenakan cukai yang rendah
Colombo	Rancangan Colombo menyediakan bantuan teknikal dan biasiswa dalam bidang pendidikan
Anjur	Dalam bidang sukan, Malaysia telah berjaya menganjurkan Sukan Komanwel pada tahun 1998

PERSATUAN NEGARA ASIA TENGGARA (ASA)

1. Penubuhan ASA

Komunis	Malaysia ingin mengadakan kerjasama dengan negara-negara jiran agar dapat membendung pengaruh dan gerakan Parti Komunis Malaya
Gerila	PKM melancarkan gerakan gerila untuk menjatuhkan kerajaan
Sempadan	PKM menggunakan sempadan Malaysia-Thailand sebagai pangkalan gerila dan Filipina juga turut diancam oleh pengaruh komunis
Tunku	Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj mencadangkan kerjasama negara serantau bagi membendung ancaman komunis
Penubuhan	Beliau mencadangkan penubuhan ASA.

2. Matlamat Penubuhan ASA

Kerjasama	Mengadakan kerjasama serantau membendung pengaruh komunis
Melindungi	Melindungi negara-negara anggota daripada ancaman komunis
Kerjasama	Menjalinkan kerjasama dalam bidang ekonomi dan sosial
Latihan	Menyediakan kemudahan latihan dan penyelidikan dalam bidang sains dan teknologi di kalangan negara anggota
Keselamatan	Mengekalkan keselamatan dan kestabilan politik negara-negara serantau

3. Soalan KBKK

Pada pendapat anda, mengapakah Malaysia menyertai beberapa pertubuhan antarabangsa selepas mencapai kemerdekaan?

Tema	Huraian
Keselamatan	Menjamin keselamatan rakyat dan negara
Kedaulatan	Mengekalkan kedaulatan negara
Memelihara	Memelihara kepentingan nasional
Kemajuan	Menggalakkan kemajuan ekonomi
Keamanan	Mengekalkan keamanan sejagat
Kerjasama	Menjalin kerjasama antarabangsa
Global	Menjadi warga global yang bertanggungjawab

SEKIAN, TERIMA KASIH